

PELAKSANAAN PROGRAM BANDAR SELAMAT DI KUALA LUMPUR

**Oleh
HANANI SIDEK**

**Kertas Projek Diserahkan Kepada College of
Business, Universiti Utara Malaysia,
bagi Memenuhi Keperluan Pengijazahan Ijazah
Sarjana Sains Pengurusan**

November 2011



KOLEJ PERNIAGAAN
(College of Business)
Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)

Saya, mengaku bertandatangan, memperakukan bahawa

(I, the undersigned, certified that)

HANANI BINTI SIDEK (808781)

Calon untuk Ijazah Sarjana

(Candidate for the degree of) **MASTER OF SCIENCE (MANAGEMENT)**

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk

(has presented his/her project paper of the following title)

PELAKSANAAN PROGRAM BANDAR SELAMAT DI KUALA LUMPUR

Seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas project
(as it appears on the title page and front cover of the project paper)

Bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.

(that the project paper acceptable in the form and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia : **DR. JAMALUDIN BIN MUSTAFFA**
(Name of Supervisor)

Tandatangan : _____
(Signature)

Nama Penyelia : **PUAN HO CHOOI PENG**
(Name of Supervisor)

Tandatangan : _____
(Signature)

Tarikh : **20 NOVEMBER 2011**
(Date)

KOLEJ PERNIAGAAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
KEBENARAN MERUJUK

Kertas Kajian Penyelidikan ini adalah sebagai memenuhi keperluan penganugerahan Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya bersetuju bahawa pihak pengurusan Perpustakaan UUM boleh mempamerkan tesis ini untuk rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibenarkan dengan keizinan daripada Dekan Penyelidikan dan Pasca Siswazah, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia. Sebarang bentuk salinan dan catatan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penyelidik dan UUM perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk rujukan dibuat ke atas tesis ini. Kebenaran untuk menyalin dan menggunakan tesis secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:

Dekan Penyelidikan dan Pasca Siswazah

Kolej Perniagaan

Universiti Utara Malaysia

06100 SINTOK

Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Sejak kebelakangan ini isu jenayah dan keselamatan merupakan isu utama yang sangat menarik perhatian umum di Malaysia. Tidak dapat dinafikan bahawa isu jenayah adalah berkait rapat dengan pelaksanaan Program Bandar Selamat yang telah diwujudkan pada tahun 2004 bagi mempertingkatkan lagi mutu keselamatan kepada masyarakat dan merupakan usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Malaysia untuk mengatasi peningkatan kadar jenayah. Kajian ini bertujuan untuk mengupas persepsi awam yang tinggal di kawasan taman perumahan mengenai Program Bandar Selamat yang dilaksanakan di kawasan taman perumahan mereka. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap keselamatan di kawasan taman perumahan, tahap kebimbangan penduduk terhadap jenayah di kawasan tersebut serta mengenal pasti langkah-langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat yang paling sesuai dilaksanakan di kawasan tersebut daripada persepsi penduduk setempat. Kawasan kajian yang dipilih adalah Taman Perumahan Wangsa Melawati, Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Hasil kajian mendapati kebanyakan responden tidak pasti sama ada tahap keselamatan di kawasan taman perumahan mereka adalah terjamin. Dari segi kebimbangan terhadap jenayah, hasil kajian mendapati penduduk berasa selamat tinggal di kawasan taman perumahan ini. Manakala bagi langkah-langkah pencegahan jenayah yang paling sesuai dilaksanakan di kawasan taman perumahan mengikut persepsi penduduk adalah penyediaan Balai Polis tetap atau bergerak, meningkatkan rondaan di kawasan taman perumahan dan pemasangan CCTV di kawasan perniagaan dan tempat awam. Antara cadangan bagi meningkatkan tahap keselamatan dan menjayakan Program Bandar Selamat di kawasan taman perumahan ini adalah mengaktifkan Persatuan Penduduk dan meningkatkan peranan DBKL dalam aspek keselamatan yang di bawah kuasanya.

ABSTRACT

In recent years crime and safety issues are among the key issues that have attracted public attention in Malaysia. It is undeniable that the issue of crime is closely related to the implementation of the Safe City Program which was established in 2004 to improve public safety of the community. This program is an effort made by the Government of Malaysia to overcome the rise in crime rates. This study further explores the public perception towards the Safe City Program implemented in their housing area. The objectives of this study are to identify the level of security in housing areas, to identify the fear of crime among the population in that area and to identify crime prevention measures under the Safe City Program that are most suitable for implementation in the area from the perception of the local population. The selected study area is Taman Perumahan Wangsa Melawati, Wangsa Maju, Kuala Lumpur. The results showed that most of the respondents are not certain about the level of security in their residential area. In terms of fear of crime, the study found that the residents feel safe living in this area. Meanwhile, from the respondents' point of view, the most suitable crime prevention measures to be implemented in this area are the provision of police posts or mobile stations, improved surveillance in the residential area and the installation of CCTVs in commercial premises and public places. In order to improve the Safe City Program in this area, it is recommended that the residents activate the Resident's Association, and the Kuala Lumpur City Hall enhances its role in the security aspect under its jurisdiction.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah, yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Saya amat bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dengan hidayah dan taufikNya saya dapat menyempurnakan kertas projek Sarjana Sains Pengurusan ini. Pertama sekali, setulus penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Jamaludin Mustaffa, di atas bimbingan, dorongan, nasihat dan inspirasi yang telah diberikan bagi membantu saya melalui perkongsian pengetahuan, pengalaman dan pandangan intelektual dan kritikan berkaitan penyelidikan ini. Pengalaman ini sungguh berharga dan tidak ternilai. Tidak lupa juga kepada penyelia saya di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Puan Ho Chooi Peng yang banyak memberi tunjuk ajar dan teguran supaya kajian ini dapat diselesaikan dengan sempurna.

Penghargaan yang teristimewa saya rakamkan kepada ibu bapa yang dikasihi, Tuan Haji Sidek bin Tahir dan Puan Hajah Siti Fatimah binti Ab Latif, adik beradik, ipar duai, saudara mara dan kawan-kawan yang sentiasa memberi sokongan dan mendoakan kejayaan saya ini. Tidak lupa juga rakan-rakan seperjuangan, Kak Azizun, Noor Rashidah, Jezlily, Hafsah, Nozie dan Kam Boon Lai yang turut sama memberikan sumbangan yang bermakna sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.

Sekalung ucapan jutaan terima kasih kepada semua pihak terutama kepada pihak responden yang terdiri daripada penduduk Taman Perumahan Wangsa Melawati, Wangsa Maju, Kuala Lumpur, pihak PDRM terutamanya Inspektor Nurleen Hannah Chai Min Lin dan Lans Koperal Rusniza, pihak DBKL terutamanya Tuan Haji Ismail

bin Mohd Yusof, Puan Zakiah dan Puan Adila, staf perpustakaan JPBD, staf perpustakaan INTAN, UUM serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyiapkan kertas projek sarjana ini. Semoga Allah s.w.t. memberikan keberkatanNya kepada kita semua. Amin.

Akhir sekali saya ingin menyusun sepuluh jari memohon maaf sekiranya terdapat sebarang kesilapan dan kekurangan dalam kajian ini. Semoga usaha saya ini memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat. Insya Allah.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA
		SURAT
	Perakuan Kerja Kertas Projek	ii
	Kebenaran Merujuk	iii
	Abstrak	iv
	Abstract	v
	Penghargaan	vi
	Senarai Kandungan	viii
	Senarai Jadual	xiii
	Senarai Rajah	xv
	Daftar Singkatan Perkataan	xvi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.1.1	Latar Belakang Program Bandar Selamat	3
1.1.2	Kawasan Kajian	5
1.1.2.1	Latar Belakang Kuala Lumpur	5
1.1.2.2	Latar Belakang Wangsa Maju	8
1.1.2.3	Latar Belakang Taman Perumahan Wangsa Melawati	9
1.2	Penyataan Masalah	11
1.3	Persoalan Kajian	17
1.4	Objektif Kajian	17
1.5	Skop Kajian	18
1.6	Kepentingan Kajian	18
1.7	Kesimpulan	19

BAB 2 SOROTAN KARYA

2.1	Pengenalan	20
2.2	Jenayah	20
2.2.1	Definisi Jenayah	20

2.2.2	Teori Jenayah	22
2.2.3	Teori Hierarki Keperluan Maslow	24
2.2.4	Kebimbangan Terhadap Jenayah	25
2.3	Program Bandar Selamat	28
2.3.1	Definisi Bandar Selamat	28
2.3.2	Model Bandar Selamat	30
2.3.3	Program Bandar Selamat Di Peringkat Antarabangsa	30
2.3.4	Program Bandar Selamat Di Malaysia	32
2.4	Langkah-langkah Pencegahan Jenayah	33
2.4.1	Merekabentuk Persekutuan Fizikal	37
2.4.2	Memperkasakan Kawasan Sasaran (<i>Target Hardening</i>)	40
2.4.3	Kepentingan Langkah-langkah Pencegahan Jenayah	40
2.5	Tahap Keselamatan	41
2.6	Demografi	42
2.7	Kerangka Teori	42
2.8	Hipotesis	43
2.9	Kesimpulan	44

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	45
3.2	Rekabentuk Kajian	45
3.3	Instrumen Kajian	46
3.3.1	Bahagian A: Maklumat Demografi	46
3.3.2	Bahagian B: Tahap Keselamatan Di Kawasan Perumahan	46
3.3.3	Kebimbangan Terhadap Jenayah Di Kawasan Taman Perumahan	47

3.3.4	Bahagian D: Tahap Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat	48
3.3.5	Bahagian E: Cadangan Bagi Mengurangkan Jenayah di Kawasan Perumahan	48
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	49
3.5	Populasi	50
3.6	Persampelan	50
3.7	Analisis Data	52
3.8	Ujian Rintis	53
3.9	Kesimpulan	55

BAB 4 ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	56
4.2	Pemeriksaan Data	56
4.2.1	Ujian <i>Normality</i>	56
4.2.2	Ujian <i>Linearity</i>	57
4.3	Kebolehpercayaan Kajian Sebenar	58
4.4	Maklumat Demografi	59
4.4.1	Jantina	59
4.4.2	Bangsa	59
4.4.3	Umur	60
4.4.4	Kelayakan Akademik	61
4.4.5	Status Perkahwinan	61
4.4.6	Pendapatan Keluarga	62
4.4.7	Nilai Semasa Rumah	63
4.4.8	Tempoh Tinggal di Kediaman Sekarang	63

4.4.9	Hak Milik Rumah	64
4.5	Tahap Keselamatan di Kawasan Taman Perumahan	65
4.6	Tahap Kebimbangan Terhadap Jenayah di Kawasan Taman Perumahan	71
4.7	Tahap Kepentingan Langkah-langkah Pencegahan Jenayah di Bawah Program Bandar Selamat	75
4.8	Analisis Inferensi	80
4.8.1	Kekuatan Hubungan Menggunakan Korelasi Pearson	80
4.8.2	Hubungan Antara Tahap Keselamatan dengan Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat	82
4.8.3	Hubungan Antara Kebimbangan Terhadap Jenayah dengan Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat	83
4.8.4	Hubungan Antara Tahap Keselamatan Dengan Kebimbangan Terhadap Jenayah	83
4.9	Pengetahuan Mengenai Kegiatan Jenayah di Kawasan Taman Perumahan	84
4.10	Kesimpulan	85

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	86
5.2	Perbincangan dan Rumusan	86
5.2.1	Tahap Keselamatan di Kawasan Taman Perumahan	86
5.2.2	Tahap Kebimbangan Terhadap Jenayah di Kawasan Taman Perumahan	89

5.2.3	Tahap Pelaksanaan Langkah-langkah Pencegahan Jenayah di Bawah Program Bandar Selamat	90
5.3	Cadangan	90
5.3.1	Memperkuatkan Interaksi Komuniti	90
5.3.2	Kesedaran Penduduk Mengenai Aspek Keselamatan	91
5.3.3	Penyediaan Balai Polis Tetap atau Bergerak dan Rondaan Polis	93
5.3.4	Pemasangan CCTV di Kawasan Perniagaan dan Tempat Awam	94
5.4	Batasan Kajian	95
5.5	Implikasi dan Saranan	96
5.5	Cadangan Kajian Akan Datang	97
5.6	Kesimpulan	97
RUJUKAN		98
LAMPIRAN		
Lampiran 3.1		103
Lampiran 3.2		110
Lampiran 4.1		116
Lampiran 4.2		119
Lampiran 4.3		120

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kedudukan Statistik Jenayah Indeks Bagi Tahun 2006 Hingga 2010 Bagi Malaysia	12
1.2	Kedudukan Statistik Jenayah Indeks Bagi Tahun 2006 Hingga 2010 Bagi Kuala Lumpur	13
1.3	Kedudukan Statistik Jenayah Indeks Bagi Tahun 2006 Hingga 2010 Bagi Kawasan Wangsa Maju	14
3.1	Kebolehpercayaan (Reliability) Statistik	54
4.1	Hasil Ujian <i>Normality</i>	57
4.2	Kebolehpercayaan (Reliability) Statistik	58
4.3	Bilangan Responden Mengikut Jantina	59
4.4	Bilangan Responden Mengikut Bangsa	60
4.5	Bilangan Responden Mengikut Umur	60
4.6	Bilangan Responden Mengikut Kelayakan Akademik	61
4.7	Bilangan Responden Mengikut Status Perkahwinan	62
4.8	Bilangan Responden Mengikut Pendapatan Keluarga	62
4.9	Bilangan Responden Mengikut Nilai Semasa Rumah	63

4.10	Bilangan Responden Mengikut Tempoh Tinggal di Kediaman	64
4.11	Bilangan Responden Mengikut Hak Milik Rumah	64
4.12	Jantina dan Tahap Keselamatan	65
4.13	Jadual Kekerapan Persepsi Responden Terhadap Tahap Keselamatan di Kawasan Taman Perumahan	66
4.14	Jadual Kekerapan Persepsi Responden Bagi Tahap Kebimbangan Terhadap Jenayah di Kawasan Taman Perumahan	71
4.15	Jadual Kekerapan Persepsi Responden Terhadap Kepentingan 14 Langkah Pencegahan Jenayah di Bawah Program Bandar Selamat	75
4.16	Petunjuk Wajar Bagi Pekali Korelasi	81
4.17	Interkorelasi Antara Pemboleh Ubah	82
4.18	Bilangan Responden Mengikut Pengetahuan Mengenai Kegiatan Jenayah di Kawasan Taman Perumahan	84
4.19	Bilangan Responden Mengikut Sumber Maklumat Kegiatan Jenayah	85

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Peta Kawasan Kuala Lumpur	8
1.2	Peta Kawasan Wangsa Maju	9
1.3	Peta Kawasan Taman Perumahan Wangsa Melawati	10
2.1	<i>Crime Triangle</i> atau <i>Problem Analysis Triangle</i>	24
2.2	Teori Hierarki Keperluan Maslow	25
2.3	Kerangka Teori	43
4.1	Hierarki Kepentingan Langkah-langkah Pencegahan Jenayah dari Persepsi Responden	79

DAFTAR SINGKATAN PERKATAAN

DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
GTP	<i>Government Transformation Programme</i>
JPBD	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
JPM	Jabatan Perdana Menteri
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
MNKT	Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan
NKRA	<i>National Key Result Area</i>
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PERF	<i>Police Executive Research Forum</i>
PDRM	Polis Diraja Malaysia
YPJM	Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Jenayah merupakan satu isu yang sangat menarik perhatian umum di Malaysia. Berdasarkan artikel bertajuk “Jenayah Turun 35 Peratus” yang dilaporkan dalam akhbar Berita Harian bertarikh 28 Mac 2011, isu mengenai jenayah timbul pada penghujung tahun 2008 selepas beberapa orang awam menjadi mangsa jenayah jalanan seperti ragut hingga menyebabkan kematian.

Pada tahun 2010, Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan *Government Transformation Programme* (GTP) sebagai satu usaha nekad Kerajaan untuk mentransformasikan secara radikal cara bekerja Kerajaan agar dapat menghasilkan penyelesaian sebenar bagi isu-isu sebenar. GTP diwujudkan berdasarkan keprihatinan rakyat tentang beberapa isu utama yang melanda negara (Jabatan Perdana Menteri (JPM), 2011). Melalui GTP, Kerajaan telah menetapkan strategi mengurangkan jenayah sebagai salah satu daripada enam *National Key Result Area* (NKRA). NKRA merupakan bidang utama bagi negara. Ia mewakili sebuah keutamaan jangka masa pendek untuk menangani tuntutan terdesak rakyat dan tidak kurang pentingnya isu jangka masa panjang yang memberi kesan kepada rakyat yang memerlukan perhatian Kerajaan. Selain menjadi tanggungjawab bersama Kerajaan khususnya menteri berkenaan, akauntabiliti untuk menyampaikan keberhasilan terletak pada menteri berkenaan sebagai peneraju, yang dilantik dan dipantau secara formal oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Enam NKRA dan menteri peneraju masing-masing telah

diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri semasa menyampaikan ucapan meraikan 100 hari dalam pentadbiran pada pada 11 Julai 2009 (JPM, 2010).

Enam NKRA tersebut adalah untuk mengurangkan jenayah (diterajui oleh Menteri Dalam Negeri), membanteras rasuah (diterajui oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bahagian Undang-undang), mempertingkatkan pencapaian pendidikan (diterajui oleh Menteri Pelajaran), mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah (diterajui oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat), mempertingkatkan infrastruktur luar bandar (diterajui oleh Menteri Luar Bandar dan Wilayah) dan memperbaiki pengangkutan awam bandar (diterajui oleh Menteri Pengangkutan).

NKRA mengurangkan jenayah menumpukan kepada jenayah jalanan. Bagi mengurangkan jenayah jalanan, salah satu inisiatif yang ditetapkan adalah menuuhkan Program Bandar Selamat. Pelaksanaan Program Bandar Selamat menggabungkan beberapa agensi yang berkaitan seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain. Gabungan ini bertujuan untuk menangani masalah tempatan dengan inisiatif yang disesuaikan menurut keperluan tempatan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam siaran media bertarikh 26 Julai 2010 berpendapat bahawa Program Bandar Selamat mampu mengurangkan indeks jenayah khususnya di kawasan PBT seluruh negara (<http://www.kpkt.gov.my>).

1.1.1 Latar Belakang Program Bandar Selamat

Idea pewujudan bandar selamat dicetuskan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam Mesyuarat Kabinet pada 28 Januari 2004 (<http://jpbd.kelantan.gov.my>). Dalam mesyuarat tersebut, Y.A.B Perdana Menteri telah menyatakan kebimbangan beliau terhadap bilangan jenayah yang semakin meningkat di negara ini. Lanjutan daripada mesyuarat tersebut, Jemaah Menteri mencadangkan supaya diwujudkan bandar dan pekan selamat di negara ini, contohnya mengelakkan lorong-lorong daripada sunyi, gelap dan lain-lain penambahbaikan sebagai langkah pencegahan jenayah. Setiap pelan pembangunan pekan dan bandar baru hendaklah mengambil kira aspek-aspek keselamatan (<http://jpbd.kelantan.gov.my>).

Susulan daripada keputusan Jemaah Menteri tersebut, KPKT telah mencadangkan pelaksanaan Program Bandar Selamat yang mengandungi 23 langkah pencegahan jenayah. Program ini melibatkan pelbagai agensi seperti JPBD, PDRM, YPJM dan lain-lain agensi. Semua agensi ini perlu memainkan peranan bersama bagi mencapai objektif pembangunan bandar yang selamat. Program ini telah diperakui oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) pada 11 Oktober 2004 (JPBD, 2010).

Kajian semula Program Bandar Selamat merupakan di antara aktiviti NKRA di bawah tindakan KPKT. JPBD bersama *stakeholders* Program Bandar Selamat dalam Mesyuarat Pasukan Petugas Program Bandar Selamat pada 29 – 30 Disember 2009 telah berbincang dan bersetuju untuk memantapkan 23 Langkah Pencegahan Jenayah 2004 kepada 15 Langkah. Takrifan semula 15 Langkah Program Bandar Selamat bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan Program Bandar Selamat dengan

memberi pilihan kepada PBT untuk melaksanakan langkah-langkah bandar selamat mengikut kesesuaian setempat. Takrifan semula ini telah dipersetujui oleh semua PBT, PDRM, Kementerian Dalam Negeri (KDN), wakil makmal NKRA mengurangkan Jenayah dan Pertubuhan Bukan Kerajaan yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan Program Bandar Selamat 2004. Kertas makluman takrifan semula Program Bandar Selamat telah diperakukan oleh MNKT ke-63 pada 2 September 2010 (JPBD, 2010).

Menurut laman sesawang JPBD Negeri Kelantan, <http://jpbd.kelantan.gov.my>, terdapat empat (4) matlamat utama pewujudan bandar selamat iaitu:

- a) Bandar yang bebas daripada keganasan (*violence*) merosakkan harta benda awam dan nyawa seperti gejala ragut, pecah rumah, kecurian dan sebagainya.
- b) Bandar yang bebas dari kemasuhan dan malapetaka akibat bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh.
- c) Bandar yang bebas dari kemerosotan sosial dan moral (*social and moral decay*) seperti penagihan dadah, kecurian, jenayah kolar putih, rasuah, salah guna kuasa, hilang integriti dan sebagainya.
- d) Bandar yang bebas dari kemalangan dalam dan luar bangunan seperti kemalangan jalan raya, jatuh dari bangunan, kebakaran dan sebagainya.

Kajian ini hanya akan menumpukan kepada komponen (a) sahaja iaitu bandar yang bebas daripada kes jenayah seperti curi ragut, pecah rumah, kecurian dan jenayah kekerasan yang menyebabkan kehilangan nyawa dan trauma, kerosakan harta benda dan sosial. Menurut JPM (2010), jenayah dan perasaan takut terhadap jenayah mempengaruhi kualiti hidup rakyat dan memberikan kesan yang sungguh memudaratkan kepada masyarakat.

Pada masa ini, Program Bandar Selamat melibatkan penyertaan 151 PBT di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

1.1.2 Kawasan Kajian

1.1.2.1 Latar Belakang Kuala Lumpur

Sejarah perbandaran di Kuala Lumpur telah wujud sejak abad ke 19 dengan terdapatnya penempatan orang Melayu dan orang asli tradisional di sepanjang Sungai Kelang. Penduduk Melayu dikesan telah mengusahakan perlombongan bijih timah secara kecil-kecilan ketika menunggu musim menuai (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), n.d.).

Kemasukan pelombong-pelombong Cina bermula pada tahun 1857. Kuala Lumpur mula berkembang sebagai kawasan perdagangan yang membekalkan barang-barang keperluan untuk pelombong bijih timah. Pada tahun 1873, berlaku perperangan saudara akibat konflik di kalangan putera-putera raja Selangor yang mahukan lebih penguasaan terhadap wilayah serta kutipan cukai dan pergaduhan sesama sendiri di

antara kumpulan Cina di kawasan tersebut. Kedua-dua peristiwa ini telah memusnahkan Kuala Lumpur. Yap Ah Loy yang dilantik sebagai Kapitan Cina yang ketiga (1865 – 1885) merupakan orang yang bertanggungjawab membangunkan semula Kuala Lumpur yang telah musnah akibat peperangan saudara tersebut (DBKL, n.d).

Pada tahun 1881, kebakaran yang besar dan banjir kilat telah memusnahkan hampir keseluruhan Kuala Lumpur. Keadaan rumah-rumah atap yang sesak dan rapat di antara satu sama lain telah menyebabkan penempatan di Kuala Lumpur musnah dalam masa yang singkat (DBKL, n.d).

Pada tahun 1884, undang-undang bangunan diperkenalkan yang mengkehendaki setiap pemilik bangunan membina semula bangunan mereka dari batu bata, beratapkan genting tanah liat dan kaki lima berbumbung di hadapan rumah kedai di sepanjang jalan. Pembinaan semula bangunan rumah kedai perlu dibina selari dengan jalan mengikut susun atur yang telah disediakan. Pada tahun 1916, pusat bandar Kuala Lumpur telah mengalami ketepuan kerana halangan fizikal seperti tanah berpaya dan berbukit. Keadaan ini menyebabkan tumpuan pembinaan bangunan-bangunan didirikan di sepanjang jalan-jalan utama yang menghubungkan kawasan perlombongan utama dengan pusat bandar seperti Jalan Ampang, Jalan Pudu dan Jalan Batu (DBKL, n.d).


Pada tahun 1921, Jururancang Bandar yang pertama di Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu C.C. Reeds telah dilantik selaras dengan penubuhan Lembaga Penasihat mengenai perancang bandar yang kemudiannya dikenali sebagai JPBD.

Pada tahun 1939, Pelan Bandar Am iaitu pelan pembangunan pertama Kuala Lumpur telah disediakan untuk mengawal pembangunan bagi kawasan seluas 11 batu persegi.

Pada tahun 1946, Kuala Lumpur dijadikan ibu negeri Persekutuan Tanah Melayu (DBKL, n.d).

Pelan Pembangunan Lengkap Kuala Lumpur telah diwartakan pada tahun 1970. Pada 1 Februari 1971, Kuala Lumpur telah dikurniakan status bandaraya dan Pesuruhjaya Ibu Kota diberi gelaran Datuk Bandar Kuala Lumpur. Seterusnya, pada 1 Februari 1972, Kuala Lumpur telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan (DBKL, n.d).

Pada tahun 1980, DBKL telah menyediakan Pelan Struktur yang diwartakan pada tahun 1984. Pelan Struktur ini bertujuan untuk menyeimbangkan pembangunan dengan menggalakkan pembangunan di empat buah pusat pertumbuhan baru iaitu Bandar Tun Razak, Wangsa Maju, Bukit Jalil dan Damansara di samping menyederhanakan pembangunan di Pusat Bandar. Pada 4 November 2004, Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 diwartakan yang mengandungi wawasan, matlamat, dasar-dasar dan cadangan-cadangan untuk memandu pembangunan Kuala Lumpur sehingga tahun 2020. Rajah 1.1 menunjukkan peta kawasan Kuala Lumpur (DBKL, n.d).



Sumber: <http://mymalaysiainfo.com>


Rajah 1.1

Peta Kawasan Kuala Lumpur

1.1.2.2 Latar Belakang Wangsa Maju

Wangsa Maju merupakan sebuah perbandaran utama di Kuala Lumpur. Tapak Wangsa Maju pada masa dahulu merupakan estet ladang getah Setapak dari tahun 1900-an hingga 1980-an, sehinggalah perbandaran ini ditubuhkan pada tahun 1984. Wangsa Maju telah menjadi salah satu perbandaran terbesar di Kuala Lumpur selepas Bandar Tun Razak dan Bandar Tasik Selatan di Cheras. Luas keseluruhan kawasan Wangsa Maju adalah 1,000 ekar dan terdapat sebanyak 10,500 unit kediaman di kawasan ini.

Kemudahan awam yang disediakan di kawasan ini adalah terdiri daripada tiga buah sekolah rendah, tiga buah sekolah menengah, tiga buah kompleks membeli belah dan sebuah masjid. Bilangan penduduk di Wangsa Maju pada masa ini adalah seramai 350,000 orang (www.selangorkini.com.my). Rajah 1.2 menujukkan peta kawasan Wangsa Maju, Kuala Lumpur.



Sumber: DBKL (2011)


Rajah 1.2

Peta Kawasan Wangsa Maju

1.1.2.3 Latar Belakang Wangsa Melawati

Taman Perumahan Wangsa Melawati merupakan salah satu kawasan perumahan yang terletak di kawasan Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Keluasan penggunaan tanah di kawasan ini adalah sebanyak 179.1 ekar. Pembangunan di kawasan Taman

Perumahan Wangsa Melawati terdiri daripada 1,600 rumah teres dua (2) tingkat, rumah kedai dua (2) tingkat, padang, surau, taman permainan, tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, masjid dan sekolah agama. Taman Perumahan Wangsa Melawati adalah di bawah bidang kuasa pentadbiran Balai Polis Wangsa Maju dari aspek keselamatan. Rajah 1.3 menunjukkan peta kawasan Taman Perumahan Wangsa Melawati.



Sumber: DBKL (2011)

Rajah 1.3

Peta Kawasan Taman Perumahan Wangsa Melawati

1.2 Penyataan Masalah

Berdasarkan kepada JPM (2010), kadar jenayah indeks pada keseluruhannya meningkat daripada 746 jenayah yang dilaporkan per 100,000 penduduk pada tahun 2006 kepada 767 pada tahun 2007 dan tahun 2008 iaitu peningkatan sebanyak 3%.

Peningkatan kadar jenayah ini telah mewujudkan kebimbangan terhadap jenayah di kalangan masyarakat. Oleh itu, melalui GTP 2010 Kerajaan telah menetapkan supaya mengurangkan jenayah dijadikan salah satu NKRA bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat agar rakyat dapat hidup dalam suasana yang aman dan harmoni.

Berdasarkan kepada statistik jenayah di Malaysia bagi tahun 2006 hingga 2010 (PDRM, 2011), didapati jumlah keseluruhan bilangan kes jenayah di Malaysia yang dilaporkan bagi tahun 2006 hingga 2009 telah menunjukkan peningkatan di mana pada tahun 2006 sebanyak 153,714 kes jenayah dilaporkan dan meningkat kepada 193,728 kes pada tahun 2007. Pada tahun 2008, sebanyak 206,713 kes dilaporkan dan seterusnya meningkat kepada 209,617 pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, pada tahun 2010, bilangan kes jenayah yang dilaporkan berkurang kepada 177,802 kes. Jadual 1.1 menunjukkan kedudukan statistik jenayah indeks bagi tahun 2006 hingga 2010 bagi Malaysia.

Jadual 1.1

Kedudukan Statistik Jenayah Indeks Bagi Tahun 2006 Hingga 2010 Bagi Malaysia

Jenis Jenayah	Tahun				
	2006	2007	2008	2009	2010
Jenayah Kekerasan					
Bunuh	451	514	618	519	499
Rogol	1,634	2,750	3,253	3,532	3,382
Samun Berkawan	329	818	2,745	2,689	1,666
Bersenjatapi					
Samun Berkawan Tanpa Senjatapi	2,104	5,815	16,929	20,771	15,746
Samun Bersenjatapi	1,772	1,609	647	468	309
Samun Tanpa Senjatapi	13,864	13,196	4,067	4,273	3,815
Mencederakan	8,680	12,525	12,978	12,816	7,524
Jumlah	28,834	37,227	41,237	45,068	32,941
Jenayah Harta Benda					
Curi	28,172	42,141	42,106	40,544	33,966
Curi Motokar	10,841	12,795	16,295	15,014	15,328
Curi Motosikal	53,904	63,497	66,859	60,380	52,786
Curi Van/Lori/ Jentera Berat	3,756	3,408	4,502	4,138	4,047
Curi Ragut	8,225	9,939	8,443	9,571	5,863
Pecah Rumah dan Curi	19,982	24,721	27,271	34,902	32,871
Jumlah	124,880	156,501	165,476	164,549	144,861
Jumlah Jenayah Indeks	153,714	193,728	206,713	209,617	177,802

Sumber: PDRM (2011)

Bagi Kuala Lumpur pula, statistik jenayah bagi tahun 2006 hingga 2010 menunjukkan jumlah keseluruhan bilangan kes jenayah yang dilaporkan bagi tahun 2006 hingga 2009 telah menunjukkan peningkatan di mana pada tahun 2006 sebanyak 25,548 kes jenayah dilaporkan dan meningkat kepada 29,529 kes pada tahun 2007. Pada tahun 2008, sebanyak 29,832 kes dilaporkan dan seterusnya kes yang dilaporkan meningkat lagi kepada 35,116 pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, pada tahun 2010, bilangan kes jenayah yang dilaporkan berkurang kepada 28,321 kes. Jadual 1.2 menunjukkan kedudukan statistik jenayah indeks bagi tahun 2006 hingga 2010 bagi Kuala Lumpur.

Jadual 1.2

Kedudukan Statistik Jenayah Indeks Bagi Tahun 2006 Hingga 2010 Bagi Kuala Lumpur

Jenis Jenayah	Tahun				
	2006	2007	2008	2009	2010
Jenayah Kekerasan					
Bunuh	73	75	62	66	61
Rogol	139	218	190	163	161
Samun Berkawan	58	97	390	47	22
Bersenjatapi					
Samun Berkawan Tanpa Senjatapi	335	1,029	4,214	6,677	4,059
Samun Bersenjatapi	83	192	64	26	14
Samun Tanpa Senjatapi	3,601	3,254	1,006	1,035	927
Mencederakan	1,088	1,472	1,249	677	838
Jumlah	5,377	6,337	7,175	8,691	6,082
Jenayah Harta Benda					
Curi	4,723	6,262	5,382	7,921	6,113
Curi Motokar	2,272	2,494	3,303	3,202	3,471
Curi Motosikal	7,563	7,852	7,558	6,491	5,311
Curi Van/Lori/ Jentera Berat	825	605	835	728	738
Curi Ragut	2,401	2,599	2,384	3,474	1,901
Pecah Rumah dan Curi	2,387	3,380	3,195	4,609	4,705
Jumlah	20,171	23,192	22,657	26,425	22,239
Jumlah Jenayah Indeks	25,548	29,529	29,832	35,116	28,321

Sumber: PDRM (2011)

Manakala bagi Wangsa Maju pula, jumlah jenayah indeks yang direkodkan di kawasan Wangsa Maju bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.3. Berdasarkan Jadual 1.3, statistik jenayah di Wangsa Maju bagi tahun 2006 hingga 2010 menunjukkan jumlah keseluruhan bilangan kes jenayah yang dilaporkan bagi tahun 2006 hingga 2009 telah meningkat di mana pada tahun 2006 sebanyak 1,571 kes jenayah dilaporkan dan meningkat kepada 1,789 kes pada tahun 2007. Pada tahun 2008, sebanyak 1,725 kes dilaporkan dan seterusnya meningkat kepada 2,115 pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, pada tahun 2010,

bilangan kes jenayah yang dilaporkan berkurang kepada 1,795 kes. Jadual 1.3 menunjukkan kedudukan statistik jenayah indeks bagi tahun 2006 hingga 2010 bagi kawasan Wangsa Maju.

Jadual 1.3

Kedudukan Statistik Jenayah Indeks Bagi Tahun 2006 Hingga 2010 Bagi Kawasan Wangsa Maju

Jenis Jenayah	Tahun				
	2006	2007	2008	2009	2010
Jenayah Kekerasan					
Bunuh	2	1	2	2	1
Rogol	8	15	8	14	8
Samun Berkawan	-	8	49	4	1
Bersenjatapi					
Samun Berkawan Tanpa Senjatapi	2	34	149	316	188
Samun Bersenjatapi	1	23	2	-	-
Samun Tanpa Senjatapi	184	153	48	30	39
Mencederakan	61	95	68	26	40
Jumlah	258	329	326	392	277
Jenayah Harta Benda					
Curi	324	402	351	450	335
Curi Motokar	212	178	244	232	296
Curi Motosikal	501	485	419	482	455
Curi Van/Lori/ Jentera Berat	21	20	17	33	26
Curi Ragut	116	126	138	151	51
Pecah Rumah dan Curi	139	249	230	375	355
Jumlah	1,313	1,460	1,399	1,723	1,518
Jumlah Jenayah Indeks	1,571	1,789	1,725	2,115	1,795

Sumber: PDRM (2011)

Walaupun kadar jenayah indeks keseluruhan telah mencatatkan penurunan yang ketara pada tahun 2010, akhbar Berita Harian bertarikh 6 Jun 2011 bertajuk “Keselamatan Rakyat Diutama” melaporkan bahawa Kerajaan tidak akan terus selesa

kerana rakyat masih diselubungi perasaan takut dan berpandangan negatif terhadap keselamatan mereka (Syuhada & Hardi, 2011).

Manakala dari segi kebimbangan terhadap jenayah pula, akhbar Berita Harian bertarikh 22 Disember 2010 bertajuk “Keyakinan Rakyat Makin Meningkat” melaporkan bahawa kajian oleh TNS Research International di Malaysia ke atas 607 responden mendapati ketakutan menjadi mangsa jenayah telah menurun dari 58.5 peratus pada tahun 2009 kepada 55.1 peratus pada Mei 2010. Penurunan sebanyak 3.4 peratus ini dikatakan sangat bermakna dengan 95 peratus kadar keyakinan menunjukkan rakyat Malaysia pada masa kini kurang risau menjadi mangsa jenayah. Walau bagaimanapun, Penganalisis Jenayah yang juga Pensyarah di Pusat Pengajian Sains Sosial, Universiti Sains Malaysia, Profesor Madya Dr. P Sundramoorthy mengatakan bahawa saiz sampel yang digunakan oleh TNS Research International tidak boleh dianggap komprehensif dan bukan mewakili rakyat Malaysia secara keseluruhan. Kajian perlu dilakukan secara *longitudinal* dengan mengukur persepsi dalam jangka masa yang panjang .

Jika dilihat dari segi purata, kes jenayah yang berlaku di Wangsa Maju mencatatkan lebih kurang 150 kes sebulan. Jumlah ini masih agak tinggi iaitu hanya melibatkan purata pengurangan sebanyak 26 kes sebulan berbanding tahun 2009. Oleh itu, bagi tujuan kajian ini, kawasan Taman Perumahan Wangsa Melawati, Wangsa Maju, Kuala Lumpur dipilih sebagai kawasan kajian kerana berdasarkan laporan akhbar Utusan Online (2010) bertarikh 4 Mac 2010 yang bertajuk “Lagi Wanita Diragut di Wangsa Melawati”, kejadian ragut, samun dan pecah rumah banyak berlaku di

sekitar Wangsa Melawati. Walaupun kejadian seumpama itu telah berkali-kali dilaporkan kepada pihak polis, namun ia kelihatan masih gagal ditangani.

Selain itu, DBKL yang merupakan PBT bagi Kuala Lumpur adalah termasuk dalam salah satu daripada 12 PBT *hot spot* yang perlu dilaksanakan enam langkah segera Program Bandar Selamat pada tahun 2010. PBT *hot spot* ditentukan berdasarkan kepada indeks jenayah yang dilaporkan di mana pada tahun 2008, 70 peratus daripada jumlah jenayah jalanan berlaku di kawasan PBT tersebut (JPBD, 2010). Akhbar Utusan Malaysia bertarikh 14 Ogos 2006 bertajuk “Bandar Bebas Jenayah” pula melaporkan bahawa aspek keselamatan penduduk kurang diberi perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab mengenainya.

Oleh kerana masalah jenayah adalah berkait rapat dengan pelaksanaan Program Bandar Selamat, maka kajian ini bertujuan untuk mengupas lebih lanjut berkenaan persepsi awam mengenai Program Bandar Selamat yang dilaksanakan. Ini bertujuan untuk melihat tahap pelaksanaan Program Bandar Selamat di kawasan taman perumahan, tahap kebimbangan penduduk terhadap jenayah di kawasan tersebut serta mengenal pasti langkah-langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat yang paling sesuai dilaksanakan di kawasan tersebut daripada persepsi penduduk setempat.

Dari segi jurang akademik pula, kajian dalam bidang ini didapati masih kurang sedangkan aspek kepentingan awam ke arah pembentukan Bandar Selamat merupakan satu agenda penting Kerajaan Malaysia pada masa ini (Jamaludin, 2007).

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang dibincangkan sebelum ini, berikut adalah persoalan-persoalan kajian yang dinyatakan dalam bentuk yang lebih spesifik:

- a) Adakah dengan pelaksanaan Program Bandar Selamat mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap tahap keselamatan?
- b) Adakah kebimbangan terhadap jenayah (*fear of crime*) mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap Program Bandar Selamat?
- c) Apakah langkah-langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat mengikut keutamaan daripada persepsi masyarakat?

1.4 Objektif Kajian

Sasaran kajian ini adalah untuk melihat persepsi awam terhadap Program Bandar Selamat di kawasan Taman Perumahan Wangsa Melawati, Kuala Lumpur dengan objektif-objektif berikut:

- a) mengenal pasti sejauhmana Program Bandar Selamat mempengaruhi persepsi awam terhadap tahap keselamatan.

- b) mengenal pasti sejauhmana kebimbangan terhadap jenayah (*fear of crime*) mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap pelaksanaan Program Bandar Selamat.

- c) mengenal pasti langkah-langkah pencegahan jenayah yang ada di bawah Program Bandar Selamat yang sesuai dilaksanakan di kawasan kajian.

1.5 Skop Kajian

Skop kajian ini hanya melihat kepada isu-isu yang berkait rapat dengan pelaksanaan konsep Bandar Selamat. Kajian ini hanya melibatkan penduduk di kawasan Taman Perumahan Wangsa Melawati, Kuala Lumpur dan hanya menumpukan kepada elemen-elemen tahap keselamatan, kebimbangan terhadap jenayah dan langkah-langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat.

Unit analisis dalam kajian ini adalah bilangan unit rumah yang terdapat di Taman Perumahan Wangsa Melawati. Jenis rumah di kawasan taman perumahan ini hanya terdiri daripada rumah teres dua tingkat dan bilangan unit rumah adalah sebanyak 1,600 unit.

1.6 Kepentingan Kajian

Sumbangan kajian ini dari segi praktikalnya dapat dilihat dari aspek berikut:

- a) Kawalan dan pengurusan masalah jenayah akan berjaya sekiranya melibatkan program dan aktiviti yang berkesan. Oleh itu, kajian ini diharap dapat memberi panduan kepada pembuat dasar untuk menilai keberkesanan program dan aktiviti yang telah dilaksanakan melalui kajian persepsi masyarakat setempat terhadap program yang dilaksanakan. Hasil kajian ini dijangka dapat membantu pihak berkepentingan seperti pihak PBT, JPBD dan lain-lain dalam mereka bentuk satu garis panduan, peraturan dan polisi dalam menambahbaik pelaksanaan Program Bandar Selamat bagi memenuhi keperluan rakyat.

- b) Disamping itu, pihak berkepentingan seperti pelajar, ahli akademik, penjawat awam dan pengguna maklumat juga akan dapat memanfaatkan hasil kajian ini dalam pelbagai aspek. Hasil kajian juga dijangka dapat membantu pembuat keputusan dalam membuat keputusan yang lebih berinformatif dan rasional.

1.7 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, bab ini menerangkan mengenai pernyataan masalah yang merupakan teras kepada kajian penyelidikan ini. Selain itu bab ini juga menjelaskan objektif, persoalan dan kepentingan kajian yang mendorong penyelidik untuk membuat kajian selanjutnya dalam bab-bab yang seterusnya. Persoalan dan objektif kajian akan diselaraskan dengan hipotesis kajian yang dibentuk dalam Bab Dua supaya matlamat kajian ini dapat dicapai.

BAB 2

SOROTAN KARYA

2.1 Pengenalan

Bab ini akan meliputi sorotan karya yang lepas berkaitan pelaksanaan Program Bandar Selamat. Antara perkara yang dibincangkan dalam bab ini adalah definisi, teori dan kebimbangan terhadap jenayah, pelaksanaan Program Bandar Selamat di peringkat antara bangsa, pelaksanaanya di Malaysia, tahap keselamatan, langkah-langkah pencegahan jenayah dan faktor demografi.

2.2 Jenayah

2.2.1 Definisi Jenayah

Menurut Kamus Dewan (1993) perkataan jenayah bermaksud kejahatan (seperti mencuri, merompak, membunuh dan lain-lain) yang salah disisi undang-undang, perbuatan salah (disisi undang-undang) atau perbuatan kriminal.

Jenayah didefinisikan sebagai satu perbuatan atau sebarang kesalahan yang membahayakan masyarakat dan segala perbuatan atau tindakan itu boleh disabit kesalahannya disisi undang-undang dan orang yang melakukannya bertanggungjawab menerima hukuman denda atau penjara (Mohd Radzuan, 1995).

Tun Salleh Abbas (Hasnah, 1995) berpendapat bahawa jenayah ialah kesalahan yang dilakukan oleh seseorang dengan niat hendak melakukan kesalahan itu. Kesalahan yang dilakukan oleh individu tersebut boleh dihukum dengan balasan penjara, denda, diseksa atau dibunuhi. Hukuman dikenakan kerana melakukan jenayah seperti mencuri, merompak, membunuh dan sebagainya yang salah dari segi undang-undang.

Jenayah dibahagikan kepada dua (2) iaitu jenayah harta benda dan jenayah kekerasan.

a) Jenayah harta benda

Jenayah harta benda hanya melibatkan ancaman ke atas harta benda sahaja. Jenayah harta benda termasuklah pecah rumah dan curi (siang), pecah rumah dan curi (malam), curi motor lori/van/jentera berat, curi motokar, curi motosikal, curi ragut dan lain-lain curi (JPBD, 2010).

b) Jenayah Kekerasan

Jenayah kekerasan adalah perbuatan yang mendatangkan ancaman dan kecederaan ke atas seseorang, di mana perlakuan yang termasuk di bawahnya adalah bunuh, samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa senjata api, samun bersenjata api, samun tanpa bersenjata api, rogol dan mencederakan manusia (JPBD, 2010).

2.2.2 Teori Jenayah

Routine Activity Theory merupakan teori utama dalam persekitaran jenayah. Teori ini dibangunkan oleh Cohen & Felson (1979) yang merupakan pakar jenayah yang terkenal. Kedua-duanya berpendapat bahawa untuk sesuatu jenayah itu berlaku, perlu wujud tiga perkara iaitu:

- a) Sasaran yang sesuai

Sasaran boleh jadi seorang individu, objek atau tempat.

- b) Ketiadaan penjaga yang mampu untuk campur tangan

Penjaga (*guardian*) pula boleh jadi manusia, contohnya polis peronda, pengawal keselamatan, kawan-kawan atau jiran, di mana kehadirannya boleh menghalang sesuatu jenayah daripada berlaku. CCTV juga boleh digolongkan sebagai penjaga, dengan syarat pemantauan melalui CCTV ini dilakukan sepanjang masa.


- c) Kehadiran penjenayah yang terdorong untuk melakukan jenayah

Routine Activity Theory melihat jenayah dari sudut pandangan penjenayah. Jenayah hanya akan berlaku apabila penjenayah berpandangan bahawa sasaran adalah sesuai dan tiada penjaga yang mampu untuk menghalang jenayah daripada berlaku. Penilaian

penjenayah terhadap sesuatu situasi merupakan penentu kepada berlakunya jenayah.

Routine Activity Theory digunakan untuk memberi pemahaman kepada orang ramai berkenaan faktor penyebab utama masalah jenayah, di mana kawalan jenayah yang lemah pada sesuatu masa yang tertentu cenderung untuk membuat penjenayah menyerang sasaran yang menarik perhatiannya. Dalam aktiviti jenayah, penjenayah perlu menggunakan alat, di mana kewujudan atau ketiadaan alat akan menentukan sama ada jenayah akan berlaku atau tidak. Alat adalah sebarang objek yang boleh digunakan sebagai senjata seperti pisau, kayu, pistol dan sebagainya. Ketiadaan alat yang sesuai akan menghalang penjenayah daripada memasuki kawasan tertentu atau menyerang mangsa dan penjaganya (*guardian*). Bagi setiap jenayah, alat yang digunakan adalah berbeza bergantung kepada jenis jenayah yang akan dilakukan. Contohnya, alat berbeza digunakan untuk melakukan samun atau rompakan.

Routine Activity Theory memperkenalkan alat yang penting dalam analisis jenayah iaitu *crime triangle* atau juga dikenali sebagai *problem analysis triangle* seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.1.



Sumber: www.crimeprevention.nsw.gov.au

Rajah 2.1

Crime Triangle atau Problem Analysis Triangle

2.2.3 Teori Hierarki Keperluan Maslow

Menurut Maslow (1954), keperluan-keperluan manusia itu terdiri daripada beberapa peringkat. Tingkat keperluan ini perlu diisi dari bawah sebelum mencapai tingkat keperluan yang seterusnya. Pada peringkat yang paling atas terdapat keperluan hayat ataupun keperluan fisiologi. Keperluan fisiologi adalah keperluan asas yang diperlukan oleh manusia untuk hidup iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal. Setelah keperluan ini dipenuhi barulah keperluan lain iaitu keperluan keselamatan, diikuti keperluan sosial, keperluan penghormatan diri dan keperluan kendiri pula dipenuhi. Peringkat keperluan manusia mengikut Teori Hierarki Keperluan Maslow ini dapat dilihat seperti Rajah 2.2.



Sumber: Maslow (1954)

Rajah 2.2

Teori Hierarki Keperluan Maslow

Keperluan keselamatan adalah penting bagi memastikan manusia bebas daripada ancaman fizikal dan emosi. Menurut Teori ini, sekiranya peringkat keperluan ini tidak dipenuhi terlebih dahulu, manusia tidak akan dapat mencapai peringkat keperluan yang seterusnya iaitu keperluan sosial, keperluan penghormatan diri dan keperluan kendiri.

2.2.4 Kebimbangan Terhadap Jenayah

Menurut Ditton, Bannister, Gilchrist & Farrall (1999), kebimbangan atau takut adalah satu istilah yang meliputi pelbagai jenis perasaan yang mengelirukan, perspektif dan anggaran risiko. Perasaan ini adalah berbeza bagi orang yang berbeza. Jenayah adalah ciri-ciri yang tidak dapat dielakkan dalam tamadun manusia. Ferraro (1995) menyatakan bahawa jenayah adalah perkara biasa kerana untuk menjadi

sebuah masyarakat yang tiada langsung jenayah adalah sesuatu yang mustahil. Bimbang atau takut kepada jenayah adalah tindak balas semula jadi manusia (Wynne, 2008).

Lee (2007) berpendapat bahawa dalam tempoh empat dekad yang lalu, perasaan takut terhadap jenayah telah menjadi satu kebimbangan yang semakin ketara kepada *criminologists*, *victimologists*, penggubal dasar, ahli-ahli politik, polis, media dan orang awam. Beliau juga menekankan bahawa kemunculan perasaan takut terhadap jenayah ditunjukkan oleh perkembangan yang luar biasa dalam bidang penyelidikan dan kesusasteraan. Perkembangan ini turut diketengahkan oleh Newburn (2003), yang menunjukkan bahawa sejak tahun 1970-an jenayah dan perasaan takut terhadap jenayah telah muncul dan menjadi perkara baru dalam kehidupan seharian.

Walklate (2007) menyatakan bahawa pertumbuhan sensitiviti ketakutan terhadap jenayah adalah selari dengan pertumbuhan sensitiviti kepada mangsa jenayah secara umum. Beliau berpendapat perkembangan ini adalah dirangsang oleh liputan media pada awal tahun 1970 dan peningkatan kadar jenayah yang direkodkan sepanjang dekad ini telah membawa kepada pengenalan *British Crime Survey* (BCS) pada tahun 1982.

Karmen (2004) berpandangan bahawa pada masa dahulu, sebahagian besar liputan media menumpukan kepada pesalah, tetapi kini mereka yang bukan mangsa (*nonvictims*) juga telah boleh memahami dan berasa empati terhadap reaksi dan tindak balas mangsa. Perhatian yang diberikan kepada perasaan takut terhadap jenayah oleh penyelidik lebih dua dekad yang lalu adalah hasil daripada percubaan

untuk mengenal pasti mengapa kategori sosial tertentu dilaporkan mempunyai tahap ketakutan terhadap jenayah yang lebih tinggi daripada yang lain (Ferraro, 1995).

Kajian oleh Warr (1994) mendapati, tindak balas yang paling biasa kepada perasaan takut terhadap jenayah di Amerika Syarikat adalah dengan mengelakkan atau menjauhi tempat yang dilihat berbahaya. Dalam kaji selidik di Seattle dan Dallas (bandar di Amerika Syarikat), sebagai contoh, 63 peratus dan 77 peratus daripada responden, masing-masing melaporkan bahawa mereka mengelakkan diri daripada berada di bandar-bandar tertentu. Apabila penduduk Dallas ditanya untuk mengenal pasti kawasan-kawasan berbahaya di bandar mereka, empat daripada lima melaporkan bahawa mereka tidak pergi berdekatan atau melalui kawasan-kawasan tersebut dengan kerap. Selain mengelakkan tempat-tempat yang sering berlaku jenayah, keimbangan terhadap jenayah juga memberi kesan kepada pilihan laluan yang digunakan apabila melancong, bentuk atau jenis pengangkutan yang digunakan dan kekerapan penduduk meninggalkan kediaman mereka (DuBow, McCabe & Kaplan 1979). Bentuk pengangkutan adalah pengangkutan laut, udara dan darat, manakala jenis pengangkutan pula adalah kapal, kapal terbang, bas, kereta dan lain-lain.

Di Malaysia, berbagai langkah diambil bagi mengurangkan perasaan takut rakyat terhadap jenayah. Sebagai contoh, di Temerloh, pihak PDRM Temerloh telah memberikan fokus utama kepada usaha untuk mengurangkan rasa takut menjadi mangsa jenayah (*reduce fear of crime*) di kalangan penduduk Temerloh dengan melaksanakan inisiatif seperti berikut:

- a) mendekati masyarakat serta mendapatkan keyakinan masyarakat untuk sama-sama membantu pihak polis dalam menangani jenayah melalui *high profail policing*. Ini merupakan konsep kehadiran polis di mana polis akan turun padang untuk bertemu masyarakat dan konsep ini telah dilaksanakan sejak 14 Januari 2010.
- b) Melibatkan masyarakat dalam aktiviti kepolisan seperti Program Rakan Cop dan sebagainya.

2.3 Program Bandar Selamat

2.3.1 Definisi Bandar Selamat

Menurut Kamus Dewan (1993), perkataan ‘Bandar’ mempunyai maksud tempat atau pusat yang ramai penduduknya dan terdapat banyak urusan dan perniagaan dijalankan. Manakala perkataan ‘Selamat’ mempunyai maksud terpelihara atau terhindar daripada bencana, terlepas daripada bahaya atau aman sentosa, sejahtera dan tidak mendapat apa-apa gangguan dan memberi jaminan keselamatan atau bebas dari ketakutan dengan harapan aman sentosa.

Definisi bandar seperimana yang terdapat dalam Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Reka Bentuk Imej Bandar Malaysia yang dikeluarkan oleh JPBD adalah seperti berikut:

- a) Bandar ialah habitat atau petempatan manusia dimana penghuninya sentiasa berlumba-lumba meningkatkan kemajuan, pencarian nafkah dan ilmu;
- b) Manakala Northam (1975) menjelaskan bandar mempunyai 3 ciri utama iaitu:
 - i) Kepadatan penempatan adalah tinggi daripada biasa;
 - ii) Penduduk di penempatan tersebut tidak terlibat dengan aktiviti pertanian atau aktiviti yang berada dalam sektor ekonomi utama; dan
 - iii) Lokasi penempatan tersebut memberi perkhidmatan sebagai pusat kebudayaan, pentadbiran dan ekonomi bagi wilayah.
- c) Breese (1969) melalui Yahya (1995), menyimpulkan bahawa bandar tetap dikaitkan dengan bilangan penduduk yang relatif tinggi kepadatannya dengan melaksanakan pelbagai aktiviti dengan mempunyai sempadan pentadbiran yang sah dari segi undang-undang dan badan pentadbiran tersendiri.
- d) Bandar merupakan petempatan yang menjadi tumpuan kepada segala aktiviti manusia. Namun pembentukannya boleh terjadi dari satu aktiviti utama yang menggalakkan migrasi penduduk dan memangkinkan

pembangunan kawasan berkenaan ataupun satu ruangan yang telah ditentukan dan dijadikan sebuah bandar.

Bandar Selamat didefinisikan sebagai bandar yang bebas dari semua ancaman fizikal, sosial dan mental. Persekitarannya sentiasa dalam keadaan paling terpelihara, tidak menimbulkan suasana yang boleh menggalakkan kejadian mengganggu gugat kesejahteraan setempat. Penghuni sentiasa berada dalam keadaan yang paling selamat, sejahtera, sihat dan ceria (JPBD, 2006).

2.3.2 Model Bandar Selamat

Model proses ke arah pewujudan Bandar Selamat diubahsuai dari model Newman (1972) iaitu proses tindakan dan penyelesaian jenayah dalam kawasan bandar. Konsep *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED) adalah berdasarkan kepada idea bahawa reka bentuk persekitaran fizikal terperinci secara efektif boleh mempengaruhi perlakuan manusia dari melakukan kesalahan serta mengurangkan perasaan takut berlakunya jenayah dan insiden jenayah di samping meningkatkan kualiti persekitaran dan kehidupan.

2.3.3 Program Bandar Selamat Di Peringkat Antarabangsa

Menurut Ahmad Nazrin Aris & Zainab (2009), pemahaman Program Bandar Selamat sebagai bandar yang bebas jenayah sebenarnya bermula daripada Program Bandar Selamat yang dilancarkan di peringkat antarabangsa. *United Nations Centre For Human Settlements* (UN-Habitat) merupakan badan antarabangsa yang

bertanggungjawab mencetuskan idea tentang konsep ini rentetan daripada peningkatan kadar kes jenayah di bandar yang telah menimbulkan pelbagai episod keganasan. Fenomena ini telah mendapat perhatian UN-Habitat sehingga membawa kepada pelancaran Program Bandar Selamat pada tahun 1996. Program yang dilaksanakan melalui PBT di peringkat perbandaran ini membawa dua objektif utama, iaitu:

- a) Menyokong sepenuhnya usaha-usaha membina kesedaran tentang kemerosotan keselamatan bandar; dan dengan itu
- b) Menyumbang kepada pembangunan strategi pencegahan jenayah.

Menurut *A Road Map to Safe City* (2008), bandar selamat adalah berdasarkan kepada model dasar yang dipelopori di United Kingdom (UK) di mana perkongsian di kalangan perniagaan, peruncit, penguatkuasa undang-undang dan Kerajaan Tempatan diwujudkan untuk mengurangkan jenayah dan keganasan di kawasan perniagaan metropolitan.

Program Bandar Selamat dilancarkan oleh Target Corp. pada tahun 2004 di Minneapolis, Indiana, Amerika Syarikat untuk memupuk perkongsian di antara pihak polis dan anggota masyarakat bagi tujuan mengurangkan jenayah. Dalam tempoh lima tahun, bandar selamat telah dilaksanakan di 20 bandar di seluruh Amerika Syarikat. Oleh kerana Program Bandar Selamat dibangunkan oleh pihak berkuasa tempatan masing-masing, maka setiap program adalah berbeza di antara satu sama lain. Terdapat Program Bandar Selamat yang menekankan kepada pengenalan CCTV

atau teknologi lain, tetapi di tempat lain pula memfokuskan kepada kaedah baru perkongsian maklumat antara pihak polis dan pemimpin masyarakat. Jika sesetengah bandar memfokuskan kepada perniagaan di pusat bandar, di tempat lain pula ia menumpukan kepada mengurangkan keganasan di kawasan perumahan (*Police Executive Research Forum* (PERF), 2010).

Di United Kingdom, Program Bandar Selamat telah menyediakan 16 buah projek termasuk di Ireland dan Scotland. Di Nottingham, England sejumlah peruntukan wang yang besar telah digunakan bagi menjalankan aktiviti pencegahan jenayah di seluruh pusat bandar tersebut. Tumpuan diberikan kepada pemberian lampu jalan, keselamatan tempat letak kereta, keselamatan pengangkutan awam, meningkatkan tahap keselamatan di premis kediaman dan pusat perniagaan. Selain itu, tumpuan juga diberikan kepada meningkatkan keselamatan wanita dan golongan tua, menitikberatkan pemasangan kunci, keselamatan di perhentian bas, taman rekreasi dan stesen keretapi. Tumpuan utama dalam projek Bandar Selamat di Great Britain melibatkan semua pihak sama ada agensi Kerajaan atau swasta. Kepentingan awam diletakkan sebagai asas kepada pembentukan masyarakat bandar yang selamat dan sejahtera (Jamaludin, 2007).

2.3.4 Program Bandar Selamat Di Malaysia

Di Malaysia, konsep ‘bandar selamat’ dicetuskan oleh Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) pada tahun 1998. Pada masa tersebut, Bangsar dipilih sebagai perintis kepada pelaksanaan konsep itu dengan pemasangan CCTV di pusat perniagaan bandar baru.

Menurut Tong (2007), YPJM ditubuhkan pada tahun 1997 untuk melaksanakan inisiatif bandar yang selamat dengan kerjasama dari polis, PBT dan persatuan penduduk. Terdapat tiga (3) projek Bandar Selamat yang dimulakan oleh YPJM sebagai pilot projek iaitu:

- a) Bangsar – kawasan perumahan kelas menengah dan atas.
- b) Flat Jalan San Peng – Kawasan lama yang tinggi kadar penagihan dadah dan masalah jenayah.
- c) Bandar Sunway – destinasi pelancongan yang utama dan bandar *resort*.

Inisiatif Bandar Selamat adalah berasaskan kepada prinsip bahawa ‘pencegahan jenayah lebih baik daripada penghapusan jenayah’. Pendekatan yang dipilih dalam inisiatif Bandar Selamat adalah tindakan pencegahan jenayah menerusi keadaan persekitaran yang selamat dengan mengurangkan peluang untuk melakukan jenayah.

2.4 Langkah-langkah Pencegahan Jenayah

Pencegahan jenayah merupakan satu mekanisme yang berkesan dan merupakan cara untuk membendung serta menghalang dari berlakunya kejadian jenayah. Program pencegahan jenayah yang berkesan akan dapat merealisasikan impian masyarakat untuk hidup dalam keadaan selamat dan tenteram serta mampu mengawal dan mengurangkan tahap ketakutan terhadap jenayah di kalangan masyarakat.

Pada peringkat awal pelaksanaan Program Bandar Selamat, terdapat 23 langkah pencegahan jenayah sepetimana yang terkandung dalam kertas kerja “Pelaksanaan Program Bandar Selamat di Negara Ini”, yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Perbadanan Perbandaran-Perbandaran Malaysia (JKPPP) Bilangan 2 Tahun 2004 yang diadakan pada 10 Ogos 2004 di Sibu, Sarawak. 23 langkah tersebut terkandung dalam tiga Strategi Pencegahan Jenayah iaitu:

- a) Mereka Bentuk Persekutaran Fizikal (enam langkah)
 - i) Pengasingan Laluan Pejalan Kaki Dari Jalan Bermotor.
 - ii) Penyediaan Bollard.
 - iii) Mengawal Tanaman Lanskap di Laluan Pejalan Kaki.
 - iv) Penyelidikan Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekutaran.
 - v) Perkongsian Maklumat Jenayah Melalui GIS-Based Mapping.
 - vi) Penyemakan Garis Panduan Susun Atur Perumahan.
- b) Memperkasa Kawasan Sasaran (13 langkah)
 - i) Pondok Polis.
 - ii) Papan Tanda Peringatan Jenayah.
 - iii) Cermin Keselamatan.
 - iv) Penggera Keselamatan (*Safety Alarm*).
 - v) Membersih/Mengemas Kawasan-Kawasan Semak dan Terlindung.
 - vi) Tempat Letak Motosikal Berkunci.
 - vii) Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV).
 - viii) Pemasangan Lampu di Kaki Lima Premis Perniagaan.

- ix) Laluan Awam Tidak Terlindung atau Menghalang Pandangan Awam.
 - x) Mencahayakan Kawasan-Kawasan Yang Menjadi Sasaran.
 - xi) Tidak Membenarkan Perniagaan dan Meletak Kenderaan Di Kaki Lima dan Laluan Pejalan Kaki.
 - xii) Menjanakan Pelbagai Aktiviti Perniagaan.
 - xiii) Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Swasta.
-
- c) Kegiatan Sosial/Kemasyarakatan dan Pendidikan Kesedaran Awam (empat langkah)
 - i) Pendidikan.
 - ii) Pemasangan Lampu di Lorong Tepi, Depan dan Belakang Rumah.
 - iii) Menyediakan Risalah Jenayah oleh Komuniti.
 - iv) Meningkatkan Rondaan di Kawasan Perumahan.

Walau bagaimanapun, 23 langkah pencegahan jenayah di atas telah dikaji semula dan dikurangkan kepada 15 langkah pencegahan jenayah. Mesyuarat Pasukan Petugas Program Bandar Selamat pada 29 dan 30 Disember 2009 telah berbincang dan bersetuju untuk memantapkan 23 langkah pencegahan jenayah kepada 15 langkah. Takrifan semula 15 Langkah Program Bandar Selamat bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan Program Bandar Selamat dengan memberi pilihan kepada PBT untuk melaksanakan langkah-langkah bandar selamat mengikut kesesuaian setempat. Sepertimana yang terdapat dalam Laporan Pemantauan Pelaksanaan Program Bandar Selamat 2010, takrifan semula Program Bandar Selamat 2010 mengandungi tiga (3) Strategi dan 15 Langkah Pencegahan Jenayah seperti berikut:

- a) Merekabentuk persekitaran fizikal (tiga langkah)
 - i) Pengasingan Laluan Pejalan Kaki Daripada Laluan Bermotor.
 - ii) Pelaksanaan Reka Bentuk Persekutuan Yang Selamat (CPTED).
 - iii) Pemetaan GIS Jenayah dan Program Bandar Selamat.
- b) Memperkasakan kawasan sasaran (sembilan langkah)
 - i) Penyediaan Balai Polis Tetap Atau Bergerak.
 - ii) Penyediaan Cermin Keselamatan.
 - iii) Penyediaan Papan Tanda Peringatan Jenayah.
 - iv) Penyediaan Penggera Keselamatan.
 - v) Penyediaan Tempat Motosikal Berkunci.
 - vi) Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di Kawasan Perniagaan dan Tempat Awam.
 - vii) Pencahayaan di Kawasan Sasaran iaitu di Tepi, Hadapan dan Belakang Rumah/Bangunan dan di Kaki Lima Premis Perniagaan, Tempat Awam dan Perumahan.
 - viii) Laluan Awam Tidak Terlindung Daripada Pandangan Awam.
 - ix) Penjanaan Aktiviti Bersesuaian di Kawasan Terdedah Jenayah.
- c) Pengurusan, penyertaan komuniti dan kesedaran awam (tiga langkah)
 - i) Pendidikan, Kesedaran Awam dan Publisiti.
 - ii) Meningkatkan Rondaan di Kawasan Perumahan.
 - iii) Agenda Tetap Bulanan Dalam Mesyuarat Majlis Penuh PBT.

2.4.1 Merekabentuk Persekutaran Fizikal

Rekabentuk persekitaran fizikal sedia ada banyak menyumbang kepada berlakunya kes-kes jenayah. Sebagai contoh, laluan pejalan kaki yang terlalu hampir dengan laluan kenderaan memudahkan peragut untuk meragut beg mangsa. Manakala laluan keluar masuk kenderaan yang banyak di sesuatu taman perumahan pula menyukarkan dari segi kawalan keselamatan.

Teori pencegahan jenayah melalui rekabentuk persekitaran adalah berasaskan kepada idea bahawa peluang berlakunya jenayah adalah terhasil daripada bentuk persekitaran fizikal (Clarke, 1997). Ini dapat dilihat dengan mengenal pasti karakter ruang yang menyumbang kepada pembentukkan peluang berlakunya jenayah di kawasan bandar. Melalui pemahaman mengenai karakter ruang jenayah ini, maka perubahan terhadap bentuk persekitaran fizikal ke arah yang lebih positif dapat dilaksanakan. Rekabentuk fizikal yang efektif dalam sesebuah kawasan bandar dapat menangani peluang dan keimbangan terhadap jenayah, serta dapat meningkatkan kualiti kehidupan sosial masyarakat bandar. Melalui pendekatan susun atur ruang yang selamat ini juga, kemungkinan berlaku kes jenayah akan dapat dikurangkan (Zul Azri, Norhafizah & Izham, 2007).

Menurut Zul Azri et al. (2007), kebanyakan jenayah yang berlaku di kawasan perbandaran adalah disebabkan oleh terdapatnya peluang untuk melakukannya. Sebagai contoh, kombinasi peluang yang mengundang berlakunya jenayah adalah terdapatnya tempat untuk bersembunyi dan kawasan yang gelap. Semakin tinggi peluang yang tercipta untuk penjenayah, maka potensi untuk berlaku jenayah di

sesebuah ruang semakin meningkat. Oleh itu, kesimpulan yang dibuat adalah ruang yang bebas jenayah adalah ruang yang tidak mempunyai potensi jenayah. Ruang yang berpotensi jenayah yang tinggi mempunyai ciri-ciri seperti terlalu banyak laluan masuk, ketidak sesuaian susun atur guna tanah, laluan yang terselindung, ruang yang terasing serta kurang penyelenggaraan. Manakala sifat-sifat ideal ruang yang bebas jenayah pula adalah kurang laluan kenderaan, kualiti visual yang baik antara ruang (*visibility*), susun atur ruang, *night safety* dan ruang sosial (*socialibility*).

Empat prinsip asas dalam rekabentuk persekitaran fizikal yang selamat adalah seperti berikut:

a) Pengawasan Semulajadi (*Natural Surveillance*)

Pengawasan semulajadi dapat memastikan pemerhatian terhadap persekitaran dapat dilakukan sepanjang masa. Oleh itu, rekabentuk yang diketengahkan akan menitikberatkan *visibility* bagi setiap ruang dan kawasan. Antara elemen-elemen yang penting adalah pencahayaan, perhubungan antara bahagian luar dan dalam bangunan serta rekabentuk lanskap luaran yang tidak menghalang pandangan awam. Kaedah ini membolehkan pergerakan dan sikap pengguna akan dapat diperhatikan oleh pengguna yang lain.

b) Pengawalan Laluan/Akses (*Natural Access Control*)

Pengawalan laluan atau akses adalah menjurus kepada elemen penyediaan penghadang bagi memberikan “*sense of direction*” serta mengelakkan peluang untuk melakukan jenayah. Kaedah ini dapat memastikan laluan atau akses mudah dikawal, dilihat dan lebih selamat. Laluan atau akses yang selamat adalah laluan atau akses yang terletak berhampiran dengan laluan utama dan tidak terpencil.

c) Kejelasan Sempadan (*Territorial Reinforcement*)

Pengukuhan pemilikan mengetengahkan elemen rekabentuk yang dapat membezakan antara ruang awam dan ruang persendirian bagi menyerlahkan pemilikan ruang. Antara contoh elemen rekabentuk adalah laluan pejalan kaki, rekabentuk lanskap dan ruang hadapan bangunan. Elemen ini perlu diterapkan dalam rekabentuk persekitaran kerana masyarakat lebih sensitif dan prihatin mengenai ruang milik mereka.

d) Penyenggaraan dan Pengurusan (*Maintenance and Management*)

Prinsip ini menekankan kepada keperluan untuk menyenggara dan menguruskan kawasan dan bangunan secara berkala dan berterusan oleh pihak pengurusan, penghuni, pemilik dan komuniti.

2.4.2 Memperkasakan Kawasan Sasaran (*Target Hardening*)

Memperkasakan kawasan sasaran (*target hardening*) merujuk kepada mengurangkan peluang untuk penjenayah melakukan jenayah, biasanya melalui penggunaan halangan fizikal, rekabentuk senibina dan peningkatan ukuran keselamatan di sesuatu lokasi khusus. Idea disebalik memperkasakan kawasan sasaran adalah pertahanan yang kukuh dan jelas kelihatan akan menghalang atau melambatkan serangan. Ia merupakan teknik pencegahan jenayah dengan mewujudkan halangan yang menyukarkan penjenayah untuk melakukan jenayah dengan cara mengetatkan perlindungan ke atas objek atau individu yang diancam. Walau bagaimanapun, konsep ini hanya akan berjaya sekiranya langkah-langkah keselamatan yang ada dapat berfungsi dengan baik melalui penghantaran mesej dan isyarat yang jelas.

2.4.3 Kepentingan Langkah-langkah Pencegahan Jenayah

Ahmad Nazrin Aris & Zainab (2009) menilai tahap kepentingan 20 langkah-langkah pencegahan jenayah yang terangkum di bawah tiga (3) strategi utama Program Bandar Selamat yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dari persepsi pelancong. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden mendapati 20 langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat di Bandaraya Johor Bahru adalah penting. Kebanyakan responden berpendapat penggunaan CCTV adalah langkah pencegahan jenayah yang paling penting diikuti oleh pondok polis, membersih kawasan semak dan terlindung, pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor dan pemasangan lampu dan pencahayaan kawasan. Manakala

penyediaan risalah jenayah oleh komuniti dan pendidikan melalui risalah jenayah dilihat sebagai langkah pencegahan yang kurang penting.

2.5 Tahap Keselamatan

Keselamatan bermaksud keadaan melindungi daripada masalah fizikal, sosial, kewangan, politik, perasaan, pekerjaan, psikologi, pelajaran dan perkara-perkara lain yang melibatkan kerosakan atau kejadian yang tidak diingini. Ini juga termasuk dalam aspek terlindung daripada sesuatu malapetaka atau kejadian yang berkaitan dengan kesihatan dan ekonomi (<http://transformasi.mpsp.gov.my>).


Tahap keselamatan kawasan perumahan menjadi elemen utama yang dipentingkan oleh pembeli semasa membuat pilihan untuk membeli rumah kediaman. Menurut kajian terhadap keselamatan dalam perumahan komuniti berpagar oleh Norazman (2010), perkembangan pesat pembangunan perumahan berkonsepkan komuniti berpagar sejak akhir-akhir ini membuktikan adanya faktor permintaan dan penawaran yang kuat melibatkan pemaju dan masyarakat. Salah satu faktor yang mendorong dan menjadi pemangkin terhadap perkembangan ini adalah dari aspek keselamatan. Dari segi ciri-ciri keselamatan, perumahan jenis ini menyediakan kawalan laluan, sistem interkom, CCTV dan pondok pengawal. Hasil kajian beliau mendapati pemilihan kawasan kediaman berkonsepkan komuniti berpagar adalah disebabkan oleh aspek keselamatan dan dapat mengurangkan jenayah. Walau bagaimanapun, perasaan takut masih menghantui penduduk yang tinggal dalam kawasan perumahan berpagar kerana mereka percaya bahawa komuniti berpagar kurang berkesan dalam pencegahan jenayah.

2.6 Demografi

Ainur Zaireen & Jalaluddin (2010) mengukur tahap keberkesanan program bandar selamat dengan menemubual responden berasaskan ciri demografi seperti umur, kaum, gender, pekerjaan dan tempat tinggal. Manakala Ahmad Nazrin Aris & Zainab (2009) pula mengukur tahap persepsi responden berasaskan ciri demografi seperti umur, jantina, bangsa, status perkahwinan, pekerjaan, kelayakan akademik dan jumlah pendapatan tahunan. Nor Eeda (2006) pula mengukur tahap persepsi responden berasaskan ciri demografi seperti umur, bangsa, pendapatan bulanan isi rumah, taraf pendidikan dan tempoh menetap.

2.7 Kerangka Teori

Kerangka teori dibentuk sebagai asas untuk menjalankan kajian ini. Dua pemboleh ubah telah dikenal pasti iaitu pemboleh ubah bersandar (*Dependent Variable*) dan pemboleh ubah tidak bersandar (*Independent Variables*). Pemboleh ubah tidak bersandar terdiri daripada tahap keselamatan dan tahap keimbangan terhadap jenayah (*fear of crime*). Manakala pemboleh ubah bersandar adalah pelaksanaan konsep Bandar Selamat. Kajian ini dibuat untuk melihat sama ada pemboleh ubah tidak bersandar iaitu tahap keselamatan dan tahap keimbangan terhadap jenayah (*fear of crime*) mempunyai hubungkait dengan pemboleh ubah bersandar iaitu pelaksanaan konsep Bandar Selamat. Kerangka teori bagi kajian ini adalah seperti di Rajah 2.3.



Rajah 2.3

Kerangka Teori

Andaian yang dibuat adalah terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar.

2.8 Hipotesis

Hipotesis kajian yang dibentuk adalah seperti berikut:

H_0_1 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap keselamatan dengan pelaksanaan konsep Bandar Selamat.

H_0_2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kebimbangan terhadap jenayah dengan pelaksanaan konsep Bandar Selamat.

H_0_3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap keselamatan dengan kebimbangan terhadap jenayah.

2.9 Kesimpulan

Bab ini secara keseluruhannya telah membincangkan mengenai teori jenayah, kebimbangan terhadap jenayah, pelaksanaan Program Bandar Selamat di peringkat antara bangsa, pelaksanaannya di Malaysia, tahap keselamatan, langkah-langkah pencegahan jenayah dan faktor demografi. Bab seterusnya akan menjelaskan mengenai metodologi kajian.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan mengenai reka bentuk kajian, instrumen kajian, kaedah pengumpulan data, populasi dan sampel kajian, analisis data dan ujian rintis yang telah dijalankan secara terperinci.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian penerokaan (*exploration*). Kaedah pengumpulan data adalah dalam bentuk kuantitatif dan disokong oleh kaedah kualitatif. Bagi analisis kuantitatif, borang soal selidik diedarkan kepada responden iaitu penduduk di Taman Perumahan Wangsa Melawati, Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

Maklum balas soal selidik dianalisis secara statistik deskriptif untuk kekerapan dan peratusan. Statistik infensi iaitu ujian korelasi digunakan untuk menentukan tahap hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Manakala bagi kaedah kualitatif, setelah hasil daripada analisis terhadap persepsi masyarakat diperolehi, ia akan digunakan sebagai input untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak PBT melalui kaedah temuduga secara bersemuka.

3.3 Instrumen Kajian

Soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam menjalankan kajian ini. Borang soal selidik direkabentuk berasaskan kerangka teori yang bertujuan untuk mengukur hipotesis-hipotesis kajian secara saintifik dan menjawab segala persoalan-persoalan kajian. Soalan soal selidik dibahagikan kepada lima (5) bahagian iaitu bahagian A, B, C, D dan E.

3.3.1 Bahagian A : Maklumat demografi

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat peribadi responden. Sebanyak sembilan item telah dimasukkan bagi tujuan mengukur faktor demografi responden iaitu jantina, bangsa, umur, kelulusan akademik, status perkahwinan, pendapatan keluarga, nilai semasa rumah, tempoh mendiami rumah dan hakmilik rumah.

3.3.2 Bahagian B : Tahap Keselamatan Di Kawasan Taman Perumahan

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan yang bertujuan untuk mengukur tahap keselamatan di kawasan taman perumahan. Sejumlah 13 soalan disediakan bagi tujuan pengukuran. Soalan-soalan diambil daripada set soal selidik yang telah digunakan oleh Jamaludin (2007) dalam kajian beliau.

Bagi setiap item dalam soal selidik di bahagian ini, terdapat lima pilihan jawapan yang menggambarkan tahap keselamatan di kawasan taman perumahan daripada

persepsi responden. Skala Likert lima peringkat digunakan sebagai pilihan kepada responden, iaitu dari sangat tinggi kepada sangat rendah. Skor yang tinggi menggambarkan sangat setuju manakala taburan skor yang rendah pula menggambarkan sangat tidak setuju dalam aspek tahap keselamatan di kawasan taman perumahan.

3.3.3 Bahagian C : Kebimbangan Terhadap Jenayah Di Kawasan Taman Perumahan.

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan yang bertujuan untuk mengukur kebimbangan terhadap jenayah di kawasan taman perumahan. Sejumlah 11 soalan disediakan bagi tujuan pengukuran. Soalan-soalan diambil dan diubahsuai daripada set soal selidik *Fear of Crime Survey 2007* yang boleh didapati di laman sesawang <http://www.scarborough.gov.uk>.

Bagi setiap item dalam soal selidik di bahagian ini terdapat lima pilihan jawapan yang menggambarkan tahap kebimbangan responden terhadap jenayah di kawasan taman perumahan. Skala Likert lima peringkat digunakan sebagai pilihan kepada responden, iaitu dari sangat tinggi kepada sangat rendah. Skor yang tinggi menggambarkan sangat bimbang manakala taburan skor yang rendah pula menggambarkan responden tidak bimbang mengenai jenayah di kawasan taman perumahan.

3.3.4 Bahagian D : Tahap Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat.

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan yang bertujuan untuk mengukur kepentingan langkah-langkah pencegahan jenayah di kawasan taman perumahan. Sejumlah 14 soalan disediakan bagi tujuan pengukuran. Soalan-soalan tersebut merupakan senarai 14 langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat. Soalan disediakan dengan merujuk kepada set soal selidik yang digunakan oleh Ahmad Nazrin Aris (2008) dalam kajian beliau.

Bagi setiap item dalam soal selidik di bahagian ini terdapat lima pilihan jawapan yang menggambarkan tahap kepentingan langkah-langkah pencegahan jenayah daripada persepsi responden. Skala Likert lima peringkat digunakan sebagai pilihan kepada responden, iaitu dari sangat tinggi kepada sangat rendah. Skor yang tinggi menggambarkan sangat penting manakala taburan skor yang rendah pula menggambarkan sangat tidak penting.

3.3.5 Bahagian E : Cadangan bagi mengurangkan jenayah di kawasan perumahan.

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan terbuka yang bertujuan untuk mendapatkan cadangan daripada responden bagi mengurangkan kadar jenayah di kawasan perumahan. Soalan-soalan di bahagian ini diambil daripada soal selidik yang telah digunakan oleh Jamaludin (2007) dalam kajian beliau. Contoh borang soal selidik adalah seperti di Lampiran 3.1.

3.4 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian dibuat membabitkan pengumpulan data-data primer dan data-data sekunder. Pengumpulan data-data primer dibuat melalui borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan berdasarkan pemboleh ubah yang dikaji. Borang soal selidik diagihkan kepada semua responden melalui Ahli Jawatankuasa (AJK) Surau Al Muttaqin, Taman Perumahan Wangsa Melawati, Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Tempoh yang diperuntukkan adalah selama dua minggu untuk mengisi segala butiran dalam soal selidik tersebut.

Seterusnya, langkah mengutip kembali borang soal selidik yang telah diedarkan sebelum ini dilakukan di mana penyelidik telah menemui semula AJK Surau Al Muttaqin.

Data sekunder pula diperolehi melalui pembacaan dan penyelidikan ke atas buku serta jurnal bagi meneliti teori, konsep asas dan kajian-kajian terdahulu mengenai Program Bandar Selamat di peringkat antara bangsa dan peringkat tempatan. Statistik kadar jenayah bagi tahun 2006 hingga 2010 pula diperolehi daripada pihak PDRM, Bukit Aman, Kuala Lumpur. Manakala peta lokasi dan sejarah kawasan kajian pula diperolehi daripada DBKL.

Selain itu, kaedah temuduga secara bersemuka juga dibuat bagi menyokong data primer yang diperolehi. Temuduga diadakan dengan wakil agensi pelaksana yang terlibat iaitu wakil DBKL bagi mendapatkan maklum balas yang akan menyokong dapatan kajian mengenai peranan DBKL dan sejauhmana langkah-langkah

pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat telah dilaksanakan oleh pihak DBKL di kawasan kajian. Temuduga telah diadakan bersama Tuan Haji Ismail bin Mohd Yusof, Timbalan Pengarah, Bahagian Kawalan Perancangan dan Penguatkuasaan, Jabatan Perancangan Bandar, DBKL pada 30 September 2011 di pejabat beliau di Tingkat 10, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

3.5 Populasi

Populasi merujuk kepada sekumpulan entiti, unsur atau benda (sama ada bernyawa atau tidak bernyawa) yang menjadi subjek kajian (atau perkara yang akan, ingin atau hendak dikaji) bagi seorang penyelidik (Ahmad Mahzan, 2007). Bagi kajian ini, populasi adalah penduduk yang tinggal di kawasan taman perumahan di Kuala Lumpur.

3.6 Persampelan

Prinsip utama dalam persampelan adalah dengan memastikan kebolehan sampel untuk mewakili populasi (Ayob, 2005). Oleh kerana populasi kajian ini merangkumi kawasan geografi yang luas, kaedah persampelan kelompok telah digunakan bagi tujuan kajian ini. Menurut Ahmad Mahzan (2007), sampel kelompok ialah sampel rawak mudah apabila unit persampelan primer bukan lagi unsur daripada populasi, tetapi kelompok unsur daripada populasi itu. Sebuah taman perumahan yang terletak di Kuala Lumpur telah dipilih sebagai sampel kajian dan responden adalah terdiri daripada penduduk yang tinggal di kawasan taman perumahan tersebut. Pemilihan

responden dibuat secara persampelan rawak mudah. Ini bermaksud setiap penduduk mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih.

Sebelum data dikumpul untuk menguji hipotesis kajian, penyelidik perlu menetapkan unit analisis (Ayob, 2005). Unit analisis bagi kajian ini adalah bilangan rumah yang terdapat di kawasan taman perumahan yang dipilih iaitu Taman Perumahan Wangsa Melawati, Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Jenis kediaman yang terdapat di kawasan taman perumahan ini hanya terdiri daripada rumah teres dua tingkat. Terdapat sebanyak 1,600 unit rumah teres dua tingkat di taman perumahan ini. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel yang disediakan oleh Krejcie dan Morgan (1970), bilangan sampel yang terlibat adalah sebanyak 310 orang (Uma Sekaran & Bougie, 2010). Menurut Schumacher dan McMillan (1993), bagi kajian tinjauan, bilangan sampel yang sesuai adalah lebih kurang 100 responden.

Bagi kajian ini, sebanyak 154 borang atau 49.7 peratus borang yang telah lengkap diisi dikembalikan dan dianalisis. Menurut Abdullah (2000) dan Che Su (2000), sekiranya 40 peratus responden yang memberikan maklum balas terhadap soal selidik, ia adalah mencukupi (Syed Abdul Rahman, Jamaludin, Rosli & Mohd Hilmi, 2010). Manakala menurut Sekaran (2010), sekiranya lebih daripada 25 peratus item dalam borang soal selidik tidak dijawab sepenuhnya, maka borang soal selidik berkenaan perlu dikeluarkan daripada analisis. Bagi kajian ini, kadar maklum balas yang diperolehi adalah boleh diterima dan kebanyakan borang soal selidik yang dikembalikan dijawab dengan sepenuhnya.

3.7 Analisis Data

Data daripada soal selidik dianalisis secara statistik deskriptif agar maklumat yang dipersembahkan dapat menerangkan dengan jelas dan mudah difahami. Perisian *Statistic Package for Social Science (SPSS) version 17 for Windows* digunakan untuk memproses data yang melibatkan frekuensi, *cross tabulation* dan *mean*. Analisis diskriptif dijalankan terhadap faktor-faktor demografi di mana data-data yang digunakan bersifat skala nominal dan ordinal. Ianya digunakan untuk mengenal pasti latar belakang responden yang terlibat dalam kajian ini.

Chua (2006) mengatakan bahawa analisis inferensi digunakan untuk menghuraikan perhubungan antara suatu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lain. Tujuan penggunaannya adalah untuk membuat generalisasi tentang perhubungan antara pemboleh ubah dalam sampel kajian kepada populasi kajian. Ini bererti analisis tersebut digunakan untuk membuat kesimpulan tentang ciri-ciri populasi berdasarkan ciri-ciri sampel. Kajian ini menggunakan ujian Korelasi Pearson untuk menguji hipotesis seterusnya menjawab persoalan dan objektif kajian.

Bagi menjawab objektif kajian yang ketiga iaitu untuk mengenal pasti langkah-langkah pencegahan jenayah yang ada di bawah Program Bandar Selamat yang sesuai dilaksanakan di kawasan kajian, julat *mean* skor digunakan untuk menentukan tahap persepsi responden terhadap tahap pelaksanaan konsep Bandar Selamat. *Mean* skor 3.68 – 5.00 menunjukkan tahap persepsi yang tinggi, *mean* skor 2.34 – 3.67 menunjukkan tahap persepsi yang sederhana sementara *mean* skor 1.00 - 2.33 menunjukkan tahap persepsi yang rendah (Levin & Rubin, 2000).

3.8 Ujian Rintis (*Pilot Test*)

Ujian rintis dilakukan terlebih dahulu sebelum pengumpulan data dilaksanakan. Ujian rintis ini menggunakan kaedah yang sama dengan kajian sebenar supaya potensi masalah dalam kajian sebenar dapat dikenal pasti (Cooper & Schindler, 2006). Responden dalam ujian rintis perlu melengkapkan soal selidik dalam situasi yang sama dengan kajian tinjauan sebenar (Hair, Babin, Money & Samouel, 2003).

Ujian ini bertujuan untuk menguji soalan soal selidik sama ada ianya sesuai dan difahami oleh responden bagi tujuan untuk menentukan kesahihan atau kebolehpercayaan soalan. Ia bertujuan untuk mengetahui sama ada wujud sebarang kekeliruan dalam item pengukuran iaitu item yang kurang jelas, arahan menjawab soalan, istilah, terma, bahasa dan persembahan soal selidik (Chua, 2006). Disamping itu ia dapat menentukan sebarang masalah berhubung dengan struktur dan rekabentuk soalan dalam soal selidik. Sebarang kelemahan yang ada dapat diperbaiki sebelum penyelidikan yang sebenar dilaksanakan. Setelah ujian rintis dijalankan, soal selidik dipinda berpandukan kepada maklum balas yang diterima daripada responden semasa ujian rintis dilakukan.

Seperti yang telah dimaklumkan di para 3.2, soalan-soalan yang digunakan dalam soal selidik diambil daripada beberapa soal selidik yang telah digunakan oleh penyelidik-penyelidik sebelum ini. Walaupun soalan-soalan tersebut telah digunakan oleh pengkaji terdahulu, namun ujian rintis masih perlu dijalankan bagi menguji kesesuaian soalan dengan sampel kajian ini. Bilangan responden yang terlibat dalam

ujian rintis adalah seramai 40 orang yang terdiri daripada penduduk di Taman Perumahan Wangsa Melawati, Kuala Lumpur.

Analisis kebolehpercayaan soal selidik menggunakan skala Alpha Cronbach iaitu koefisien atau pekali kebolehpercayaan. Mengikut skala Alpha Cronbach, tahap kebolehpercayaan adalah lemah sekiranya nilai Alpha Cronbach adalah kurang daripada 0.6 dan tahap kebolehpercayaan adalah tinggi sekiranya nilai Alpha Cronbach adalah menghampiri 1.00. Jadual 3.1 menunjukkan nilai Alpha Cronbach yang diperolehi daripada ujian rintis bagi item-item tahap keselamatan, kebimbangan terhadap jenayah dan tahap pelaksanaan konsep Bandar Selamat. Instrumen yang digunakan untuk mengukur ketiga-tiga item ini didapati mempunyai ketekalan dalaman yang tinggi melalui teknik Alpha Cronbach.

Jadual 3.1:

Kebolehpercayaan (Reliability) Statistik

Pemboleh ubah	Alpha Cronbach Pra-Kajian
Tahap Keselamatan	0.84
Kebimbangan Terhadap Jenayah	0.97
Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat	0.94
N	40

Berdasarkan Jadual 3.1, kebolehpercayaan yang ditunjukkan bagi ujian rintis untuk item Tahap Keselamatan adalah 0.84, bagi item Kebimbangan Terhadap Jenayah 0.97 dan Tahap Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat 0.94. Ini menunjukkan bahawa soalan soal selidik yang telah dibentuk adalah sesuai digunakan untuk kajian sebenar

kerana mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Analisis SPSS bagi nilai Alpha Cronbach adalah seperti di Lampiran 3.2.

3.9 Kesimpulan

Bab ini secara keseluruhannya telah membincangkan rekabentuk kajian, populasi dan kaedah persampelan yang digunakan dalam menjalankan kajian serta menjelaskan teknik pengumpulan data bagi memperolehi data-data yang diperlukan. Selain itu bab ini juga telah menerangkan rekabentuk borang soal selidik yang turut mengandungi instrumen dan kaedah pengukuran bagi pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar disamping menjelaskan kaedah analisis yang akan digunakan. Bab seterusnya akan membincangkan keputusan hasil kajian yang diterbitkan melalui analisis data-data yang diperolehi.

BAB 4

ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan hasil analisis ke atas maklum balas yang diberi oleh responden dalam borang soal selidik yang telah diedarkan. Hasil analisis ini dibahagikan kepada empat bahagian mengikut susunan dalam borang soal selidik iaitu demografi, tahap keselamatan, kebimbangan terhadap jenayah dan langkah-langkah pencegahan jenayah. Analisis ini adalah bertujuan untuk menjawab objektif-objektif kajian seperti yang telah dinyatakan dalam Bab Satu dan menguji hipotesis-hipotesis yang telah dinyatakan dalam Bab Dua.

4.2 Pemeriksaan Data

Pemeriksaan data dibuat dengan tujuan untuk memastikan data yang sebenar dan sesuai sahaja digunakan untuk tujuan analisis. Bagi tujuan tersebut, pemeriksaan data dilakukan melalui ujian *normality* dan ujian *linearity*.

4.2.1 Ujian *Normality*

Ujian *normality* merupakan pra-syarat bagi menjalankan kaedah statistik inferensi (Hair, Babin, Money, & Samouel, 2003). Ia digunakan untuk memastikan sama ada data yang dipungut mempunyai taburan normal atau hampir normal. Taburan data adalah normal sekiranya nilai Skewness dan Kurtosis adalah ± 2.0 (Chua, 2006).

Hasil ujian *normality* adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1. Ujian *normality* menunjukkan ketiga-tiga pemboleh ubah bertabur secara normal di mana nilai Skewness dan Kurtosis adalah antara ± 2.0 .

Jadual 4.1

Hasil Ujian Normality

Pemboleh Ubah		Nilai Statistik	Kesimpulan
Tahap keselamatan	Skewness	0.075	Taburan berbentuk normal
	Kurtosis	-0.836	
Tahap kebimbangan	Skewness	0.288	Taburan berbentuk normal
	Kurtosis	-0.887	
Bandar Selamat	Skewness	-0.088	Taburan berbentuk normal
	Kurtosis	0.440	

Menurut Coakes, Steed & Dzidic (2006), kaedah yang paling mudah untuk membuat ujian *normality* adalah dengan menggunakan rajah grafik seperti *histogram*, *normal P-P plot*, *normal Q-Q plot*, *stem-and-leaf-plot*, *box-plot*, dan *detrended normal plot* untuk membuktikan taburan data adalah normal. Jika sampel mempunyai taburan normal, semua kes akan terletak dekat dengan garisan lurus (Coakes et al., 2006). Hasil ujian normaliti dalam bentuk *histogram* dan *normal Q-Q plot* adalah seperti di Lampiran 4.1.

4.2.2 Ujian *Linearity*

Selain ujian *normality*, ujian *linearity* juga sangat penting sebagai pra-syarat bagi kaedah statistik inferensi. Andaian mengenai *linearity* perlu dilakukan ke atas setiap pemboleh ubah tidak bersandar secara berasingan. Andaian mengenai *linearity* boleh berlaku apabila kelompok skor berada di sekitar garisan regresi bagi memastikan

andaian mengenai “*homoscedasticity*” tidak dilanggar (Coakes, et al., 2006). Pallant (2001) menganjurkan bahawa hanya hubungan yang *linear* sahaja sesuai menjalani analisis korelasi. Berdasarkan gambarajah *scatter plot* di Lampiran 4.2, terdapat hubungan *linear* antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar. Oleh itu analisis inferensi bagi pemboleh ubah ini boleh dijalankan secara konsisten dengan hipotesis kajian.

4.3 Kebolehpercayaan Kajian Sebenar

Hasil analisis kebolehpercayaan yang diperolehi daripada kajian sebenar menggunakan skala *Alpha Cronbach* ke atas item tahap keselamatan, keimbangan terhadap jenayah dan tahap pelaksanaan konsep Bandar Selamat adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.2. Instrumen yang digunakan untuk mengukur ketigatiga item mempunyai ketekalan dalaman yang tinggi melalui teknik Alpha Cronbach. Analisis SPSS bagi nilai Alpha Cronbach adalah seperti di Lampiran 4.3.

Jadual 4.2

Kebolehpercayaan (Reliability) Statistik

Pemboleh ubah	Bilangan Item	Alfa Cronbach Kajian Sebenar
Tahap Keselamatan	13	0.870
Kebimbangan Terhadap Jenayah	9	0.983
Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat	14	0.916
N		154

4.4 Maklumat Demografi

4.4.1 Jantina

Hasil analisis mendapati seramai 50.6 peratus atau 78 orang adalah responden lelaki manakala 49.4 peratus atau 76 orang adalah responden perempuan. Ini menunjukkan bahawa bilangan responden adalah seimbang dari segi jantina. Maklumat jantina responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.3

Bilangan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	78	50.6
Perempuan	76	49.4
Jumlah	154	100.0

4.4.2 Bangsa

Dari segi komposisi bangsa, 48.1 peratus atau 74 orang responden adalah berbangsa Melayu, diikuti 40.9 peratus atau 63 orang responden berbangsa Cina dan 10.4 peratus atau 16 orang berbangsa India. Selebihnya adalah lain-lain bangsa iaitu 0.6 peratus atau seorang responden. Hasil analisis ini menunjukkan bahawa majoriti penduduk di taman perumahan ini adalah terdiri daripada mereka yang berbangsa Melayu dan Cina. Manakala kaum India dan lain-lain merupakan penduduk minoriti di kawasan taman perumahan ini. Maklumat mengenai bangsa adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4.

Jadual 4.4

Bilangan Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	Frekuensi	Peratus
Melayu	74	48.1
Cina	63	40.9
India	16	10.4
Lain-lain	1	0.6
Jumlah	154	100.0

4.4.3 Umur

Dari segi umur, hasil kajian menunjukkan 54.5 peratus atau 84 orang daripada responden adalah berumur antara 41 hingga 50 tahun. Ini diikuti oleh 24 peratus atau 37 orang responden dalam kategori umur 31 hingga 40 tahun, 13 peratus atau 20 orang responden dalam lingkungan umur 51 tahun ke atas dan 7.1 peratus atau 11 orang responden adalah berumur 21 hingga 30 tahun. Manakala selebihnya iaitu 1.3 peratus atau dua orang berumur antara 15 hingga 20 tahun. Maklumat mengenai komposisi umur responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.5.

Jadual 4.5

Bilangan Responden Mengikut Umur

Umur (Tahun)	Frekuensi	Peratus
15-20	2	1.3
21-30	11	7.1
31-40	37	24.0
41-50	84	54.5
51 ke atas	20	13.0
Jumlah	154	100.0

4.4.4 Kelayakan Akademik

Dari segi kelayakan akademik, majoriti responden adalah mereka yang berpendidikan tinggi di mana 70.8 peratus atau 109 orang responden memiliki tahap kelayakan ijazah/sarjana/PhD. Ini diikuti oleh 20.1 peratus atau 31 orang responden memiliki tahap pencapaian Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Sijil/Diploma dan seramai 7.8 peratus atau 12 orang memiliki tahap pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Manakala selebihnya iaitu 0.6 peratus atau seorang responden memiliki kelulusan Sijil Rendah Pelajaran (SRP)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan 0.6 peratus atau seorang responden memiliki lain-lain kelayakan akademik. Maklumat mengenai kelayakan akademik adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.6.

Jadual 4.6

Bilangan Responden Mengikut Kelayakan Akademik

Tahap Pendidikan	Frekuensi	Peratus
SRP/PMR	1	0.6
SPM	12	7.8
STPM/Sijil/Diploma	31	20.1
Ijazah/Sarjana/Phd	109	70.8
Lain-Lain	1	0.6
Jumlah	154	100.0

4.4.5 Status Perkahwinan

Bagi analisis ke atas status perkahwinan, didapati 77.9 peratus atau 120 orang responden sudah berkahwin, diikuti 14.9 peratus atau 23 orang responden masih bujang dan hanya 7.1 peratus atau 11 responden berstatus duda/janda. Maklumat

mengenai status perkahwinan responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.7.

Jadual 4.7

Bilangan Responden Mengikut Status Perkahwinan

Status Perkahwinan	Frekuensi	Peratus
Bujang	23	14.9
Kahwin	120	77.9
Janda/duda	11	7.1
Jumlah	154	100.0

4.4.6 Pendapatan Keluarga

Analisis ke atas pendapatan keluarga mendapati 55.8 peratus atau 86 orang memperoleh pendapatan keluarga sebanyak RM7,001 ke atas. Ini diikuti oleh seramai 35.1 atau 54 orang responden memperoleh pendapatan keluarga sebanyak RM5,001 hingga RM7,000. Manakala seramai 7.8 peratus atau 12 orang responden memperoleh pendapatan keluarga dalam lingkungan RM3,001 hingga RM5,000 dan selebihnya iaitu 1.3 peratus atau dua orang responden memperoleh pendapatan keluarga sebanyak RM1,001 hingga RM3,000. Maklumat mengenai pendapatan keluarga responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.8.

Jadual 4.8

Bilangan Responden Mengikut Pendapatan Keluarga

Pendapatan (RM)	Frekuensi	Peratus
1,001-3,000	2	1.3
3,001-5,000	12	7.8
5,001-7,000	54	35.1
7,001 dan lebih	86	55.8
Jumlah	154	100.0

4.4.7 Nilai Semasa Rumah

Dari segi nilai semasa rumah, 69.5 peratus atau 107 orang responden menyatakan bahawa nilai semasa rumah mencecah RM500,001 dan ke atas. Ini diikuti seramai 29.9 peratus atau 46 orang responden menyatakan nilai semasa rumah di antara RM400,000 hingga RM500,000. Manakala selebihnya iaitu 0.6 peratus atau seorang responden menyatakan nilai semasa rumah dalam lingkungan RM300,001. Maklumat mengenai nilai semasa rumah adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.9.

Jadual 4.9

Bilangan Responden Mengikut Nilai Semasa Rumah

Nilai Semasa Rumah (RM)	Frekuensi	Peratus
300,000-400,000	1	0.6
400,001-500,000	46	29.9
500,001 dan lebih	107	69.5
Jumlah	154	100.0

4.4.8 Tempoh Tinggal di Kediaman Sekarang

Analisis ke atas tempoh tinggal di kediaman sekarang menunjukkan 33.1 peratus atau 51 orang responden telah tinggal di kediaman mereka dalam tempoh 4 hingga 6 tahun. Ini diikuti oleh 33.1 peratus atau 51 orang telah tinggal di kediaman sekarang bagi tempoh 7 hingga 10 tahun. Manakala 19.5 peratus atau 30 orang responden telah tinggal di kediaman sekarang dalam tempoh melebihi 10 tahun dan 13.6 peratus atau 21 orang telah tinggal di kediaman sekarang dalam tempoh 1 hingga 3 tahun. Selebihnya iaitu 0.6 peratus atau seorang responden telah tinggal di kediaman

sekarang kurang dari 3 tahun. Maklumat mengenai tempoh tinggal di kediaman sekarang adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.10.

Jadual 4.10

Bilangan Responden Mengikut Tempoh Tinggal di Kediaman

Tempoh Tinggal (Tahun)	Frekuensi	Peratus
Kurang 1 tahun	1	0.6
1-3 Tahun	21	13.6
4-6 Tahun	51	33.1
7-10	51	33.1
Lebih 10 Tahun	30	19.5
Jumlah	154	100.0

4.4.9 Hak Milik Rumah

Dari segi hak milik rumah yang diduduki pula, 81.2 peratus atau 125 orang responden menyatakan bahawa rumah yang diduduki adalah rumah sendiri. Manakala 17.5 peratus atau 27 responden menyatakan bahawa rumah yang diduduki adalah rumah sewa. Selebihnya, iaitu 1.3 peratus atau 2 orang responden tinggal bersama keluarga. Maklumat mengenai hakmilik rumah adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.11.

Jadual 4.11

Bilangan Responden Mengikut Hak Milik Rumah

Hak Milik Rumah	Frekuensi	Peratus
Sendiri	125	81.2
Sewa	27	17.5
Tinggal Bersama Keluarga	2	1.3
Jumlah	154	100.0

4.5 Tahap Keselamatan di Kawasan Taman Perumahan

Analisis ke atas tahap keselamatan di kawasan taman perumahan dibuat bagi menentukan tahap keselamatan di taman perumahan tersebut mengikut persepsi penduduk setempat. Persepsi responden mengikut jantina ke atas tahap keselamatan menunjukkan bahawa kebanyakan responden iaitu 63 peratus atau 97 orang responden tidak pasti mengenai tahap keselamatan di kawasan taman perumahan mereka adalah terjamin. Berdasarkan kepada Jadual 4.12, didapati kedua-dua jantina menyatakan tidak pasti mengenai tahap keselamatan di kawasan taman perumahan yang mereka diami. Jumlah ini melibatkan 31.8 peratus atau 49 orang responden perempuan dan 31.2 peratus atau 48 orang responden lelaki. Jadual 4.12 menunjukkan *cross tabulation* di antara jantina dan tahap keselamatan.

Jadual 4.12
Jantina dan Tahap Keselamatan

Jantina	Tahap Keselamatan					
	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju	
	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
Lelaki	27	17.5	48	31.2	3	1.9
Perempuan	27	17.5	49	31.8	0	0
Jumlah	54	35	97	63.0	3	1.9

Hasil analisis ke atas tahap keselamatan di kawasan perumahan pula adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.13.

Jadual 4.13

Jadual Kekerapan Persepsi Responden Terhadap Tahap Keselamatan di Kawasan Taman Perumahan

ELEMENT		Jumlah (N)	Sangat tidak setuju	Kurang Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat setuju	Mean	Tahap Persepsi Responden
			(1)	(2)	(3)	(4)	(5)		
1	Pihak polis sentiasa menjalankan rondaan.	154	2	46	71	34	1	2.91	Sederhana
			1.2%	29.9%	46.1%	22.1%	0.6%		
2	Rukun Tetangga aktif menjalankan aktiviti atau program.	154	29	47	74	4	0	2.34	Sederhana
			18.8%	30.5%	48.1%	2.6%	0.0%		
3	Kes kecurian sering berlaku di kawasan perumahan ini.	154	11	54	65	24	0	2.66	Sederhana
			7.1%	35.1%	42.2%	15.6%	0.0%		
4	Kes pecah rumah sering berlaku di kawasan taman perumahan ini.	154	11	54	65	24	0	2.66	Sederhana
			7.1%	35.1%	42.2%	15.6%	0.0%		
5	Kes ragut sering berlaku di kawasan taman perumahan ini.	154	32	54	50	18	0	2.35	Sederhana
			20.8%	35.1%	32.5%	11.7%	0.0%		
6	Terdapat ramai penagih dadah di sekitar kawasan taman perumahan ini.	154	74	31	48	1	0	1.84	Rendah
			48.1%	20.1%	31.2%	0.6%	0.0%		
7	Terdapat kumpulan remaja melepak di sekitar kawasan taman perumahan ini.	154	73	33	46	2	0	1.85	Rendah
			47.4%	21.4%	29.9%	1.3%	0.0%		
8	Kawasan taman perumahan ini mudah untuk dimasuki oleh orang luar.	154	2	12	86	53	1	3.25	Sederhana
			1.3%	7.8%	55.8%	34.4%	0.6%		
9	Terdapat banyak jalan akses untuk memasuki kawasan taman perumahan ini.	154	2	20	44	88	0	3.42	Sederhana
			1.3%	13.0%	28.6%	57.1%	0.0%		
10	Interaksi komuniti di kawasan taman perumahan ini adalah amat baik.	154	1	5	69	79	0	3.47	Sederhana
			0.6%	3.2%	44.8%	51.3%	0.0%		

ELEMEN	Jumlah (N)	Sangat tidak setuju	Kurang Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat setuju	Mean	Tahap Persepsi Responden
		(1)	(2)	(3)	(4)	(5)		
11	154	50	45	56	3	0	2.08	Rendah
		32.5%	29.2%	36.4%	1.9%	0.0%		
12	154	48	46	55	5	0	2.11	Rendah
		31.2%	29.9%	35.7%	3.2%	0.0%		
13	154	49	47	55	3	0	2.08	Rendah
		31.8%	30.5%	35.7%	1.9%	0.0%		
NILAI KESELURUHAN							2.54	Sederhana

Sumber: Kerja Luar Kajian Sarjana, 2011

Berdasarkan Jadual 4.13, hasil analisis mendapati persepsi responden terhadap keseluruhan tahap keselamatan di kawasan taman perumahan adalah pada tahap sederhana dengan nilai *mean* keseluruhan adalah 2.54. Ini dibuktikan dengan kebanyakkan trend responden yang lebih cenderung memilih “sederhana” dan “rendah” yang mana julat nilai *mean* adalah di antara 1.84 hingga 3.47. Nilai *mean* yang tinggi menunjukkan bahawa responden sangat bersetuju dengan tahap keselamatan di taman perumahan dan begitulah sebaliknya.

Hasil kajian menunjukkan nilai *mean* yang sederhana iaitu 2.91 bagi rondaan pihak polis di kawasan taman perumahan. Kebanyakan responden iaitu 46.1 peratus

responden tidak pasti sama ada pihak polis sentiasa menjalankan rondaan di kawasan taman perumahan, manakala 29.9 peratus kurang setuju dan 22.1 peratus pula bersetuju bahawa pihak polis sentiasa menjalankan rondaan di kawasan taman perumahan. Oleh itu, adalah diandaikan bahawa penduduk tidak pasti sama ada pihak polis menjalankan rondaan di kawasan taman perumahan ini.

Bagi analisis ke atas aktiviti Rukun Tetangga, nilai *mean* yang dihasilkan juga adalah sederhana iaitu 2.34. Kebanyakan responden iaitu 48.1 peratus tidak pasti, manakala 30.5 peratus kurang setuju bahawa Rukun Tetangga aktif menjalankan aktiviti di kawasan taman perumahan ini. Oleh itu dapat diandaikan bahawa kebanyakan penduduk tidak mengetahui mengenai aktiviti yang dijalankan oleh Rukun Tetangga di kawasan taman perumahan ini.

Dari segi interaksi komuniti pula, nilai *mean* yang dihasilkan adalah pada tahap sederhana iaitu 3.47, di mana 51.3 peratus setuju manakala 44.8 peratus tidak pasti bahawa interaksi komuniti di kawasan taman perumahan ini adalah baik. Oleh itu, dapat diandaikan bahawa interaksi komuniti di kawasan taman perumahan ini adalah baik.

Bagi analisis ke atas aktiviti Persatuan Penduduk pula, nilai *mean* yang dihasilkan adalah rendah iaitu 2.08. Kebanyakan responden iaitu 61.7 peratus kurang setuju, manakala 36.4 peratus tidak pasti bahawa Persatuan Penduduk aktif menjalankan aktiviti di kawasan taman perumahan ini. Oleh itu dapat diandaikan bahawa Persatuan Penduduk tidak aktif menjalankan aktiviti di kawasan taman perumahan ini.

Bagi analisis ke atas kes kecurian, kes pecah rumah dan kes ragut, nilai *mean* yang dihasilkan juga adalah sederhana iaitu 2.66 (kes kecurian), 2.66 (kes pecah rumah) dan 2.35 (kes ragut). Bagi kes kecurian dan kes pecah rumah, kebanyakan responden iaitu 42.2 peratus tidak pasti, manakala 35.1 peratus kurang setuju bahawa kes kecurian dan kes pecah rumah sering berlaku di taman perumahan ini. Manakala bagi kes ragut, 35.1 peratus kurang setuju, 32.5 peratus tidak pasti dan 20.8 peratus sangat tidak setuju bahawa kes ragut sering berlaku di kawasan taman perumahan ini. Secara kesimpulannya, dapat diandaikan bahawa kes kecurian, kes pecah rumah dan kes ragut jarang berlaku di kawasan taman perumahan ini.

Analisis ke atas aktiviti penagihan dadah dan aktiviti remaja melepak pula menghasilkan nilai *mean* yang rendah iaitu 1.84 dan 1.85. Majoriti responen iaitu 68.2 peratus tidak bersetuju bahawa terdapat ramai penagih dadah di kawasan taman perumahan ini. Manakala bagi aktiviti remaja melepak, 68.8 peratus tidak setuju dan 29.9 peratus tidak pasti bahawa terdapat kumpulan remaja melepak di kawasan taman perumahan ini. Oleh itu, dapat diandaikan bahawa aktiviti penagihan dadah dan remaja melepak tiada dalam pengetahuan penduduk di kawasan taman perumahan ini. Jika terdapat kegiatan seperti ini, mereka yang terlibat adalah tidak ramai.

Dari segi akses oleh orang luar dan banyaknya jalan masuk ke kawasan taman perumahan, analisis menghasilkan nilai *mean* yang sederhana iaitu 3.25 dan 3.42. Majoriti responen iaitu 55.8 peratus tidak pasti, manakala 34.4 peratus setuju bahawa kawasan taman perumahan ini mudah dimasuki oleh orang luar. Manakala bagi banyaknya jalan masuk ke taman perumahan, lebih separuh daripada bilangan

responden iaitu 57.1 peratus setuju bahawa terdapat banyak jalan masuk ke kawasan taman perumahan, manakala 28.6 peratus tidak pasti. Oleh itu, dapat diandaikan bahawa kawasan taman perumahan ini mudah dimasuki oleh orang luar kerana terdapat banyak jalan masuk ke kawasan taman perumahan ini.

Analisis ke atas program pendidikan dan kesedaran mengenai aspek keselamatan awam yang diadakan dengan kerjasama antara Persatuan Penduduk dan pihak polis pula menghasilkan nilai *mean* yang rendah iaitu 2.11. Kebanyakan responen iaitu 61.1 peratus tidak bersetuju dan 35.7 peratus tidak pasti bahawa program pendidikan dan kesedaran mengenai aspek keselamatan awam dengan kerjasama antara Persatuan Penduduk dan pihak polis diadakan di kawasan taman perumahan ini. Oleh itu, dapat diandaikan bahawa penduduk tidak mengetahui mengenai program pendidikan dan kesedaran mengenai aspek keselamatan awam yang diadakan di kawasan taman perumahan ini hasil kerjasama antara Persatuan Penduduk dan pihak polis.

Dari segi analisis ke atas peranan DBKL menghasilkan nilai *mean* yang rendah iaitu 2.08. Kebanyakan responen iaitu 35.7 peratus tidak pasti manakala 31.8 peratus sangat tidak bersetuju dan 30.5 peratus kurang setuju bahawa DBKL telah memberikan tumpuan kepada aspek keselamatan yang di bawah bidang kuasanya di kawasan taman perumahan ini. Oleh itu, dapat diandaikan bahawa DBKL kurang menumpukan kepada aspek keselamatan yang di bawah bidang kuasanya di kawasan taman perumahan ini.

4.6 Tahap Kebimbangan Terhadap Jenayah di Kawasan Taman Perumahan

Analisis ke atas tahap kebimbangan terhadap jenayah di kawasan taman perumahan dibuat bagi menentukan tahap kebimbangan terhadap jenayah mengikut persepsi penduduk setempat. *Recode* dilakukan ke atas soalan- yang berbentuk negatif di Bahagian C borang soal selidik iaitu bagi soalan satu hingga sembilan. Hasil analisis ke atas tahap kebimbangan terhadap jenayah di kawasan perumahan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.14.

Jadual 4.14

Jadual Kekerapan Persepsi Responden Bagi Tahap Kebimbangan Terhadap Jenayah di Kawasan Taman Perumahan

ELEMEN	Jumlah (N)	Sangat Bimbang	Bimbang	Tidak Pasti	Kurang Bimbang	Tidak Bimbang	Mean	Tahap Persepsi Responden
		(1)	(2)	(3)	(4)	(5)		
1 Kebimbangan mengenai jenayah di kawasan perumahan.	154	3	30	32	79	10	3.41	Sederhana
		1.9%	19.5%	20.8%	51.3%	6.5%		
2 Kebimbangan ketika beriadah di kawasan taman perumahan di waktu pagi.	154	1	26	35	68	24	3.57	Sederhana
		0.6%	16.9%	22.7%	44.2%	15.6%		
3 Kebimbangan ketika beriadah di kawasan taman perumahan di waktu petang.	154	1	26	32	71	24	3.59	Sederhana
		0.6%	16.9%	20.8%	46.1%	15.6%		
4 Kebimbangan jika rumah dipecah masuk dan barang berharga dicuri.	154	4	40	30	69	11	3.28	Sederhana
		2.6%	26.0%	19.5%	44.8%	7.1%		

ELEMEN	Jumlah (N)	Sangat Bimbang	Bimbang	Tidak Pasti	Kurang Bimbang	Tidak Bimbang	Mean	Tahap Persepsi Responden
		(1)	(2)	(3)	(4)	(5)		
5 Kebimbangan jika disamun dan dirompak ketika berada di kawasan taman perumahan tempat tinggal.	154	3	43	31	66	11	3.25	Sederhana
		1.9%	27.9%	20.1%	42.9%	7.1%		
6 Kebimbangan jika kereta dicuri di kawasan taman perumahan tempat tinggal.	154	3	41	29	70	11	3.29	Sederhana
		1.9%	26.6%	18.8%	45.5%	7.1%		
7 Kebimbangan apabila berjalan bersendirian di kawasan perumahan pada waktu malam.	154	0	27	37	78	12	3.49	Sederhana
		0.0%	17.5%	24.0%	50.6%	7.8%		
8 Kebimbangan apabila berjalan bersendirian di kawasan perumahan pada waktu siang.	154	0	27	37	78	12	3.49	Sederhana
		0.0%	17.5%	24.0%	50.6%	7.8%		
9 Kebimbangan apabila berada bersendirian di rumah pada waktu malam.	154	0	26	38	79	11	3.49	Sederhana
		0.0%	16.9%	24.7%	51.3%	7.1%		
NILAI KESELURUHAN							3.43	Sederhana

Sumber: Kerja Luar Kajian Sarjana, 2011

Berdasarkan Jadual 4.14 di atas, hasil kajian mendapati persepsi responden terhadap tahap kebimbangan terhadap jenayah di kawasan taman perumahan adalah pada tahap sederhana dengan nilai *mean* keseluruhan adalah 3.43. Ini dibuktikan dengan

kebanyakkan trend responden yang lebih cenderung memilih “sederhana” yang mana julat nilai *mean* adalah di antara 3.25 hingga 3.59. Nilai *mean* yang tinggi menunjukkan bahawa responden tidak bimbang mengenai jenayah di kawasan taman perumahan dan begitulah sebaliknya.

Hasil analisis ke atas tahap kebimbangan ketika beriadah di kawasan taman perumahan di waktu pagi dan petang menghasilkan nilai *mean* yang sederhana iaitu 3.57 (pagi) dan 3.59 (petang). Kebanyakan responden iaitu 44.2 peratus responden kurang bimbang, 15.6 peratus tidak bimbang, 22.7 peratus tidak pasti dan 16.9 peratus bimbang ketika beriadah di kawasan taman perumahan di waktu pagi. Manakala bagi waktu petang pula, 46.1 peratus responden kurang bimbang, 15.6 peratus tidak bimbang, 20.8 peratus tidak pasti dan 16.9 peratus bimbang ketika beriadah di kawasan taman perumahan. Oleh itu, dapat diandaikan bahawa penduduk tidak berasa bimbang ketika beriadah di kawasan taman perumahan pada waktu pagi dan petang.

Dari segi analisis ke atas kebimbangan jika rumah dipecah masuk dan barang berharga dicuri, dan kebimbangan jika disamun dan dirompak ketika berada di kawasan taman perumahan juga menghasilkan nilai *mean* yang sederhana iaitu 3.28 (pecah masuk dan curi) dan 3.25 (samun dan rompak). Ini ditunjukkan oleh 44.8 peratus responden kurang bimbang, 7.1 peratus tidak bimbang, 19.5 peratus tidak pasti, 26 peratus bimbang dan 2.6 peratus sangat bimbang jika rumah dipecah masuk dan barang berharga dicuri. Manakala bagi samun dan rompak pula, 42.9 peratus responden kurang bimbang, 7.1 peratus tidak bimbang, 20.1 peratus tidak pasti, 27.9 peratus bimbang dan 1.9 peratus sangat bimbang. Oleh itu, dapat diandaikan bahawa

penduduk tidak berasa bimbang mengenai kejadian pecah masuk, kecurian, samun dan rompak di kawasan taman perumahan.

Analisis ke atas kebimbangan jika kereta dicuri di kawasan taman perumahan tempat tinggal pula menghasilkan nilai *mean* yang sederhana iaitu 3.29. Dari segi peratusan pula, 45.5 peratus responden kurang bimbang, 7.1 peratus tidak bimbang, 18.8 peratus tidak pasti, 26.6 peratus bimbang dan 1.9 peratus sangat bimbang. Oleh itu, dapat diandaikan bahawa penduduk tidak berasa bimbang mengenai kejadian curi kereta di kawasan taman perumahan.

Begitu juga dengan analisis ke atas kebimbangan apabila berjalan bersendirian di kawasan perumahan pada waktu malam/siang dan kebimbangan apabila berada bersendirian di rumah pada waktu malam menghasilkan nilai *mean* yang sederhana iaitu 3.49. Dari segi peratusan, 50.6 peratus responden kurang bimbang, 7.1 peratus tidak bimbang, 24 peratus tidak pasti dan 17.5 peratus bimbang apabila berjalan bersendirian di kawasan taman perumahan pada waktu malam/siang. Manakala bagi kebimbangan apabila berada bersendirian di rumah pada waktu malam pula, 51.3 peratus responden kurang bimbang, 7.1 peratus tidak bimbang, 24.7 peratus tidak pasti dan 16.9 peratus bimbang. Oleh itu, dapat diandaikan bahawa keadaan pada waktu siang dan malam di kawasan taman perumahan adalah tidak membimbangkan penduduk yang menetap di situ.

4.7 Tahap Kepentingan Langkah-langkah Pencegahan Jenayah di Bawah Program Bandar Selamat

Analisis ke atas tahap kepentingan langkah-langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat dari persepsi penduduk dibuat bagi mengenal pasti langkah-langkah pencegahan jenayah yang paling sesuai dilaksanakan di taman perumahan tersebut mengikut persepsi penduduk setempat. Daripada 15 langkah pencegahan jenayah yang ada, hanya 14 langkah yang akan dinilai. Ini kerana langkah pencegahan jenayah yang ke 15 iaitu Agenda Tetap Bulanan Dalam Mesyuarat Majlis Penuh PBT tidak melibatkan pelaksanaan di kawasan taman perumahan. Tahap kepentingan langkah pencegahan jenayah dari persepsi responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.15.

Jadual 4.15

Jadual Kekerapan Persepsi Responden Terhadap Kepentingan 14 Langkah Pencegahan Jenayah di Bawah Program Bandar Selamat

ELEMEN	Jumlah (N)	Sangat tidak penting	Kurang penting	Sederhana penting	Penting	Sangat penting	<i>Mean</i>	Tahap Persepsi Responden
		(1)	(2)	(3)	(4)	(5)		
1 Pengasingan laluan pejalan kaki daripada laluan bermotor	154	33	27	62	26	5	2.63	Sederhana
		21.4%	17.5%	40.9%	16.9%	3.2%		
2 Pelaksanaan reka bentuk persekitaran yang selamat (CPTED)	154	11	24	67	39	13	3.12	Sederhana
		7.1%	15.6%	43.5%	25.3%	8.4%		
3 Pemetaan GIS jenayah dan Program Bandar Selamat	154	7	23	67	34	23	3.28	Sederhana
		4.5%	14.9%	43.5%	22.1%	14.9%		

ELEMEN		Jumlah (N)	Sangat tidak penting	Kurang penting	Sederhana penting	Penting	Sangat penting	Mean	Tahap Persepsi Responden
			(1)	(2)	(3)	(4)	(5)		
4	Penyediaan balai polis tetap atau bergerak	154	1	8	29	27	89	4.27	Tinggi
			0.6%	5.2%	18.8%	17.5%	57.8%		
5	Penyediaan cermin keselamatan	154	5	26	81	36	6	3.08	Sederhana
			3.2%	16.9%	52.6%	23.4%	3.9%		
6	Penyediaan papan tanda peringatan jenayah	154	4	26	75	36	13	3.18	Sederhana
			2.6%	16.9%	48.7%	23.4%	8.4%		
7	Penyediaan penggera keselamatan	154	5	22	62	32	33	3.43	Sederhana
			3.2%	14.3%	40.3%	20.8%	21.4%		
8	Penyediaan tempat motosikal berkunci	154	32	30	61	25	6	3.63	Sederhana
			20.8%	19.5%	39.6%	16.2%	3.9%		
9	Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan perniagaan dan tempat awam	154	1	13	44	31	65	3.95	Tinggi
			0.6%	8.4%	28.6%	20.1%	42.2%		
10	Pencahayaan di kawasan sasaran iaitu di tepi, hadapan dan belakang rumah/bangunan dan di kaki lima premis perniagaan, tempat awam dan perumahan	154	3	22	79	35	15	3.24	Sederhana
			1.9%	14.3%	51.3%	22.7%	9.7%		
11	Laluan awam tidak terlindung daripada pandangan awam	154	5	24	77	35	13	3.18	Sederhana
			3.2%	15.6%	50.0%	22.7%	8.4%		
12	Penjanaan aktiviti bersesuaian di kawasan terdedah jenayah	154	5	22	79	40	8	3.16	Sederhana
			3.2%	14.3%	51.3%	26.0%	5.2%		

ELEMEN		Jumlah (N)	Sangat tidak penting	Kurang penting	Sederhana penting	Penting	Sangat penting	Mean	Tahap Persepsi Responden
			(1)	(2)	(3)	(4)	(5)		
13	Pendidikan, kesedaran awam dan publisiti	154	4	21	73	35	21	3.31	Sederhana
			2.6%	13.6%	47.4%	22.7%	13.6%		
14	Meningkatkan rondaan di kawasan perumahan	154	3	12	37	24	78	4.05	Tinggi
			1.9%	7.8%	24.0%	15.6%	50.6%		
NILAI KESELURUHAN								3.39	Sederhana

Sumber: Kerja Luar Kajian Sarjana, 2011

Berdasarkan Jadual 4.15 di atas, hasil analisis mendapati persepsi responden terhadap keseluruhan langkah pencegahan jenayah adalah pada tahap sederhana dengan nilai *mean* keseluruhan adalah 3.39. Ini dibuktikan dengan kebanyakkan trend responden yang lebih cenderung memilih “sederhana” hingga “tinggi” yang mana julat nilai *mean* adalah di antara 2.63 hingga 4.27. Nilai *mean* yang paling tinggi menunjukkan tahap persepsi responden terhadap tahap kepentingan sesuatu langkah pencegahan jenayah adalah penting dan begitulah sebaliknya.

Berdasarkan Jadual 4.15 didapati nilai *mean* yang tertinggi adalah 4.27 iaitu bagi elemen penyediaan balai polis tetap atau bergerak. Ini menunjukkan wujudnya tahap kepentingan yang tinggi bagi penyediaan balai polis tetap atau bergerak di kawasan taman perumahan ini. Ini dibuktikan melalui Skala Likert bagi elemen penyediaan balai polis tetap atau bergerak dimana terdapat gabungan peratusan yang tinggi bagi “sangat penting” iaitu 57.8 peratus dan “penting” iaitu 17.5 peratus. Persepsi responden ini dikukuhkan lagi dengan laporan laman sesawang www.selangorkini.com.my bertarikh 9 April 2011 dimana laporan tersebut menyatakan bahawa orang ramai memohon PDRM Kuala Lumpur mewujudkan

sebuah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Wangsa Maju berikutan peningkatan bilangan penduduk di kawasan tersebut. Pada masa ini, hanya terdapat sebuah Balai Polis di kawasan Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Berdasarkan laman web tersebut juga, bilangan penduduk di Wangsa Maju pada masa ini adalah seramai 350,000 orang (www.selangorkini.com.my).

Langkah pencegahan jenayah yang menunjukkan nilai *mean* yang terendah adalah pengasingan laluan pejalan kaki daripada laluan bermotor di mana nilai *mean* bagi langkah pencegahan jenayah ini adalah 2.63. Ini dibuktikan melalui Skala Likert bagi elemen pengasingan laluan pejalan kaki daripada laluan bermotor di mana terdapat gabungan peratusan yang tinggi bagi “sederhana penting” iaitu 40.9 peratus dan “sangat tidak penting” iaitu 21.4 peratus. Persepsi responden ini adalah rasional kerana pengasingan laluan pejalan kaki daripada laluan bermotor biasanya dibuat di jalan yang besar dan sesak, yang menjadi tumpuan pengguna jalan raya. Oleh itu, adalah berkemungkinan bahawa responden merasakan bahawa langkah pencegahan jenayah ini adalah kurang penting untuk dilaksanakan di kawasan taman perumahan mereka. Hierarki bagi kepentingan langkah-langkah pencegahan jenayah dari persepsi responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.1.

<i>Pemeringkatan</i>		<i>Mean</i>
1	Penyediaan balai polis tetap atau bergerak	4.27
2	Rondaan di kawasan perumahan	4.05
3	Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV)	3.95
4	Penyediaan tempat motosikal berkunci	3.63
5	Penyediaan penggera keselamatan	3.43
6	Pendidikan, kesedaran awam dan publisiti	3.31
7	Pemetaan GIS jenayah dan Program Bandar Selamat	3.28
8	Pencahayaan di kawasan sasaran	3.24
9	Penyediaan papan tanda peringatan jenayah	3.18
10	Laluan awam tidak terlindung daripada pandangan awam	3.18
11	Penjanaan aktiviti bersesuaian di kawasan terdedah jenayah	3.16
12	Pelaksanaan reka bentuk persekitaran yang selamat (CPTED)	3.12
13	Penyediaan cermin keselamatan	3.08
14	Pengasingan laluan pejalan kaki daripada laluan bermotor	2.63

Rajah 4.1

Hierarki Kepentingan Langkah-langkah Pencegahan Jenayah dari Persepsi Responden

Bentuk hierarki yang digunakan dalam Rajah 4.1 di atas adalah bentuk hierarki yang digunakan oleh Ahmad Nazrin Aris (2008) dalam kajian beliau. Berdasarkan kepada Rajah 4.1 di atas, didapati pilihan responden bagi langkah-langkah pencegahan jenayah yang dirasakan penting untuk dilaksanakan di kawasan perumahan mereka adalah penyediaan balai polis tetap atau bergerak, rondaan di kawasan perumahan dan pemasangan CCTV. Oleh itu, hasil kajian ini telah mengenal pasti langkah-langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat yang paling sesuai

dilaksanakan di kawasan Taman Perumahan Wangsa Melawati, Wangsa Maju, Kuala Lumpur mengikut persepsi penduduk yang tinggal di kawasan tersebut.

4.8 Analisis Inferensi

Analisis inferensi dilaksanakan bagi menjawab persoalan kajian yang telah dibentuk dalam Bab Satu dan menentukan penerimaan dan penolakan hipotesis yang telah dibentuk dalam Bab Dua. Analisis ini juga menentukan hubungan diantara tahap keselamatan dan tahap kebimbangan terhadap jenayah dengan pelaksanaan konsep Bandar Selamat. Kaedah Korelasi Pearson digunakan bagi menentukan sama ada wujud hubungan di antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah tidak bersandar.

4.8.1 Kekuatan Hubungan Menggunakan Korelasi Pearson

Kaedah Korelasi Pearson biasa digunakan untuk mengesahkan hubungan antara dua pemboleh ubah. Semakin tinggi nilai korelasi, semakin kuat hubungan antara pemboleh ubah - pemboleh ubah yang diuji. Petunjuk kasar atau wajar (*rule of thumb*) bagi pekali korelasi adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.16.

Jadual 4.16

Petunjuk Wajar Bagi Pekali Korelasi

Julat Pekali	Kekuatan Hubungan
± 0.91 hingga ± 1.00	Sangat kuat
± 0.71 hingga ± 0.90	Kuat
± 0.41 hingga ± 0.70	Sederhana
± 0.21 hingga ± 0.40	Lemah tetapi ada sedikit hubungan
± 0.01 hingga ± 0.20	Sangat lemah dan hampir tiada hubungan

Sumber: Hair et al. (2007)

Terdapat tiga hipotesis kajian ini yang diuji iaitu:

H_0_1 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap keselamatan dengan pelaksanaan konsep Bandar Selamat.

H_0_2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kebimbangan terhadap jenayah dengan pelaksanaan konsep Bandar Selamat.

H_0_3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap keselamatan dengan kebimbangan terhadap jenayah.

Keputusan keseluruhan ujian analisis korelasi bagi setiap hipotesis kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.17.

Jadual 4.17

Interkorelasi Antara Pemboleh Ubah

Pembolehubah		Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat	Tahap Keselamatan	Kebimbangan Terhadap Jenayah
Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat	Pearson Correlation	1	-0.041	-0.151
	Sig. (2-tailed)		0.618	0.062
	N	154	154	154
Tahap Keselamatan	Pearson Correlation	-0.041	1	-0.636**
	Sig. (2-tailed)	0.618		0.000
	N	154	154	154
Kebimbangan Terhadap Jenayah	Pearson Correlation	-0.151	-0.636**	1
	Sig. (2-tailed)	0.062	0.000	
	N	154	154	154

** Korelasi adalah signifikan pada paras 0.01 (*2-tailed*)

4.8.2 Hubungan Antara Tahap Keselamatan Dengan Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat

Bagi hipotesis kajian yang pertama, hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap keselamatan dengan pelaksanaan konsep bandar selamat. Nilai korelasi adalah sangat lemah dan hampir tiada hubungan di mana *correlation coefficient*, $r = -0.041$. Oleh itu, hipotesis H_0 yang telah dibentuk dalam kajian ini gagal ditolak. Ini bermaksud bahawa pelaksanaan konsep bandar selamat tidak dapat diterangkan oleh tahap keselamatan di kawasan taman perumahan yang dikaji.

4.8.3 Hubungan Antara Kebimbangan Terhadap Jenayah Dengan Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat

Bagi hipotesis kajian yang kedua, hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kebimbangan terhadap jenayah dengan pelaksanaan konsep Bandar Selamat apabila nilai korelasi adalah sangat lemah dan hampir tiada hubungan di mana $r = -0.151$. Oleh itu, hipotesis H_02 yang telah dibentuk dalam kajian ini gagal ditolak. Ini bermaksud bahawa pelaksanaan konsep bandar selamat tidak dapat diterangkan oleh tahap kebimbangan penduduk di kawasan taman perumahan yang dikaji.

4.8.4 Hubungan Antara Tahap Keselamatan Dengan Kebimbangan Terhadap Jenayah

Bagi hipotesis kajian yang ketiga, hasil kajian menunjukkan nilai korelasi antara tahap keselamatan dengan tahap kebimbangan terhadap jenayah mempunyai hubungan yang signifikan dan negatif. Nilai korelasi adalah sederhana di mana $r = -0.636$. Oleh itu, hipotesis H_03 yang telah dibentuk dalam kajian ini ditolak. Ini bermaksud apabila tahap keselamatan adalah tinggi, maka kebimbangan terhadap jenayah akan berkurang dan sebaliknya apabila tahap keselamatan adalah rendah, tahap kebimbangan terhadap jenayah akan meningkat.

4.9 Pengetahuan Mengenai Kegiatan Jenayah Di Kawasan Taman Perumahan

Analisis ke atas pengetahuan mengenai kegiatan jenayah di kawasan taman perumahan pula menunjukkan 57.7 peratus atau 89 orang responden menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui mengenai kegiatan jenayah di kawasan taman perumahan mereka. Manakala 42.2 peratus atau 65 orang menyatakan bahawa mereka mengetahui adanya kegiatan jenayah di kawasan taman perumahan mereka. Maklumat mengenai pengetahuan responden berkenaan jenayah yang berlaku di kawasan taman perumahan mereka adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.18.

Jadual 4.18

Bilangan Responden Mengikut Pengetahuan Mengenai Kegiatan Jenayah di Kawasan Taman Perumahan

Tahu	Bilangan	Peratus
Ya	65	42.2
Tidak	89	57.7
Jumlah	154	100.0

Dari segi sumber maklumat mengenai jenayah di kawasan taman perumahan pula, 93.8 peratus atau 61 orang responden menyatakan bahawa mereka mengetahui mengenai kegiatan jenayah di kawasan taman perumahan mereka kerana terlihat atau diberitahu oleh jiran. Manakala seramai 4.6 peratus atau 3 orang menyatakan bahawa mereka mengetahui adanya kegiatan jenayah di kawasan perumahan mereka daripada lain-lain sumber. Selebihnya iaitu 1.5 peratus atau 1 orang menyatakan beliau mengetahui kegiatan jenayah kerana menjadi mangsa jenayah itu sendiri. Maklumat

mengenai sumber maklumat jenayah di kawasan taman perumahan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.19.

Jadual 4.19

Bilangan Responden Mengikut Sumber Maklumat Kegiatan Jenayah

Sumber Maklumat	Bilangan	Peratus
Mangsa jenayah	1	1.5
Terlihat/diberitahu	61	93.8
Lain-lain	3	4.6
Jumlah	65	100.0

4.10 Kesimpulan

Bab ini secara keseluruhannya telah menjelaskan semua langkah-langkah yang telah diambil untuk menganalisis data-data kajian. Analisis terhadap data kajian perlu dimulakan dengan ujian ke atas instrumen kajian, pemeriksaan data dan diikuti dengan analisis terhadap data kajian mengikut keperluan hipotesis kajian. Keputusan dari analisis data ini akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya.

BAB 5

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam kajian ini dan bertujuan untuk merumuskan secara keseluruhan kajian yang telah dilaksanakan. Bab ini akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah perbincangan dan rumusan mengenai persepsi responden terhadap pelaksanaan Program Bandar Selamat dan bahagian kedua akan membincangkan mengenai penambahbaikan dan cadangan bagi menjayakan pelaksanaan Program Bandar Selamat di kawasan kajian ini khususnya dan kawasan taman perumahan amnya.

5.2 Perbincangan Penemuan Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengupas lebih lanjut berkenaan persepsi awam yang tinggal di kawasan taman perumahan mengenai Program Bandar Selamat yang dilaksanakan di kawasan taman perumahan mereka. Antara objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap keselamatan di kawasan taman perumahan, tahap kebimbangan penduduk terhadap jenayah di kawasan tersebut serta mengenal pasti langkah-langkah pencegahan jenayah yang ada di bawah Program Bandar Selamat yang paling sesuai dilaksanakan di kawasan tersebut daripada persepsi penduduk setempat.

5.2.1 Tahap Keselamatan di Kawasan Taman Perumahan

Berdasarkan analisis dan penemuan kajian dalam Bab Empat, didapati terdapat beberapa perkara berkaitan tahap keselamatan di kawasan taman perumahan yang perlu dibincangkan dengan lebih terperinci. Salah satu di antaranya adalah mengenai rondaan oleh pihak polis di kawasan taman perumahan ini. Berdasarkan maklum balas responden, 31.1 peratus tidak bersetuju manakala 46.1 peratus tidak pasti sama ada pihak polis sentiasa menjalankan rondaan di kawasan taman perumahan ini. Walau bagaimanapun, berdasarkan laporan bertajuk “Balai Polis Bergerak Tingkat Keyakinan Rakyat di Wangsa Maju” yang dipetik dari Bernama bertarikh 20 Julai 2010, membuktikan kehadiran balai polis bergerak berbentuk bas mini berwarna putih di sekitar Wangsa Maju. Balai polis bergerak ini diparkir di kawasan perumahan dan kedai Taman Perumahan Wangsa Melawati pada setiap hari Rabu. Balai polis bergerak ini merupakan salah satu daripada 32 balai polis bergerak yang ditempatkan secara berperingkat di 50 kawasan “panas” di Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

Dari segi gejala penagihan dadah pula, didapati 62.8 peratus responden tidak bersetuju bahawa terdapat ramai penagih dadah di kawasan taman perumahan ini. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa kawasan perumahan kos sederhana seperti kawasan kajian ini kurang berlaku aktiviti penagihan dadah. Ini disokong oleh hasil kajian oleh Huizinga, Loeber & Thornberry (1994) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan lokasi tempat tinggal dengan vandalism dan penyalahgunaan dadah. Bagi kawasan di bawah paras kemiskinan atau setinggan di kawasan bandar, kadar penyalahgunaan dadah dan jenayah adalah tinggi berbanding kawasan lain.

Namun begitu, kekuahan hubungan kekeluargaan, peningkatan aktiviti masyarakat dan peranan sekolah akan menghalang wujudnya situasi sedemikian (Yahya et al., 2010).

Dari segi aktiviti komuniti yang dijalankan oleh Persatuan Penduduk, 61.7 peratus responden berpendapat bahawa Persatuan Penduduk tidak aktif dalam menjalankan aktiviti di kawasan taman perumahan ini. Oleh itu adalah perlu diingatkan bahawa tanggung jawab menjaga keselamatan tidak hanya menjadi tanggung jawab pihak polis semata-mata tetapi juga menjadi tanggung jawab bersama antara penduduk setempat. Ini disokong oleh pandangan Jamaludin (2007) bahawa operasi pencegahan jenayah di sesebuah taman perumahan atau kawasan petempatan banyak bergantung kepada keaktifan Persatuan Penduduk atau Rukun Tetangga yang diberikan tanggungjawab untuk memelihara aspek keselamatan ahli-ahlinya. Oleh itu, peranan Persatuan Penduduk adalah amat penting dalam mengeratkan hubungan di antara komuniti dan meningkatkan keselamatan di sesuatu kawasan taman perumahan.

Peranan DBKL dalam aspek keselamatan juga perlu diberi perhatian. Berdasarkan maklum balas responden, 62.3 peratus responden berpendapat DBKL tidak memberikan tumpuan kepada aspek keselamatan yang di bawah bidang kuasanya di kawasan taman perumahan ini. Berdasarkan temubual dengan pegawai DBKL, penyelidik dimaklumkan bahawa pelaksanaan Program Bandar Selamat dibuat mengikut fasa. Kawasan taman perumahan ini tidak termasuk dalam kawasan *hot spot* yang perlu dilaksanakan enam langkah segera Program Bandar Selamat pada tahun ini. Walau bagaimanapun, pihak DBKL ada menjalankan penyenggaraan biasa

seperti pemotongan rumput dan lain-lain yang berkaitan. Oleh itu, bagi meningkatkan aspek keselamatan di kawasan taman perumahan ini, peranan Persatuan Penduduk adalah amat penting dalam menjalin kerjasama dengan pihak DBKL. Persatuan Penduduk perlu menjalankan peranan sebagai penghubung antara penduduk dan pihak DBKL supaya pihak DBKL dapat dimaklumkan mengenai aspek keselamatan yang perlu dipertingkatkan di kawasan taman perumahan ini.

Jalan masuk yang banyak ke kawasan taman perumahan ini juga merupakan salah satu faktor yang boleh mendorong kepada terjadinya jenayah. Perkara ini berlaku kerana wujudnya masalah dari segi kawalan ke atas orang asing yang keluar masuk ke kawasan taman perumahan ini. Berdasarkan maklum balas responden, 57.1 peratus responden bersetuju bahawa terdapat banyak jalan masuk ke kawasan taman perumahan ini. Penemuan kajian ini disokong oleh pandangan Zul Azri et al. (2007) bahawa ruang yang berpotensi jenayah yang tinggi mempunyai ciri-ciri seperti terlalu banyak laluan masuk.

Berdasarkan analisis dan penemuan kajian juga mendapati 61.1 peratus responden berpendapat program pendidikan dan kesedaran mengenai aspek keselamatan awam dengan kerjasama antara Persatuan Penduduk dan pihak polis tidak diadakan di kawasan taman perumahan ini. Program seumpama ini perlu dilaksanakan bagi meningkatkan tahap kesedaran penduduk mengenai aspek keselamatan awam di kawasan taman perumahan. Ketiadaan program seumpama ini di kawasan taman perumahan ini juga berkait rapat dengan peranan Persatuan Penduduk yang tidak aktif menjalankan aktiviti di kawasan ini. Oleh itu, perkara utama yang perlu diambil

perhatian oleh penduduk adalah mengaktifkan Persatuan Penduduk dengan memberikan komitmen yang berterusan kepada setiap aktiviti yang dilaksanakan.

5.2.2 Tahap Kebimbangan Terhadap Jenayah di Kawasan Taman Perumahan

Dari segi tahap kebimbangan terhadap jenayah, hasil analisis dan penemuan kajian mendapati kawasan taman perumahan ini adalah selamat untuk didiami kerana secara keseluruhannya penduduk tidak berasa bimbang ketika berada di kawasan taman perumahan ini. Penduduk juga didapati tidak bimbang mengenai kegiatan jenayah seperti pecah rumah, samun, rompak dan kecurian kereta di kawasan taman perumahan ini. Ini mungkin disebabkan oleh kegiatan jenayah tersebut jarang berlaku dan tahap keselamatan di kawasan taman perumahan ini masih dalam keadaan yang terkawal.

5.2.3 Tahap Pelaksanaan Langkah-langkah Pencegahan Jenayah di Bawah Program Bandar Selamat

Kajian ke atas tahap pelaksanaan langkah-langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat yang sesuai dilaksanakan di kawasan kajian mendapati terdapat tiga langkah pencegahan jenayah yang menjadi pilihan responden yang dirasakan sangat penting untuk dilaksanakan di kawasan kajian. Ketiga-tiga langkah tersebut adalah penyediaan balai polis tetap atau bergerak, meningkatkan rondaan polis di kawasan taman perumahan dan pemasangan CCTV di kawasan perniagaan dan tempat awam. Hasil penemuan kajian ini adalah hampir sama dengan hasil

penemuan kajian yang diperolehi oleh Ahmad Nazrin Aris & Zainab (2009) di mana hasil kajian mereka mendapati penggunaan CCTV adalah langkah pencegahan jenayah yang paling penting diikuti oleh pondok polis, membersih kawasan semak dan terlindung, pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor dan pemasangan lampu dan pencahayaan kawasan.

5.3 Cadangan

Berdasarkan kepada perbincangan dan rumusan di atas, terdapat beberapa cadangan bagi menambahbaik tahap keselamatan di kawasan kajian. Cadangan-cadangan tersebut adalah seperti yang disenaraikan di bawah.

5.3.1 Memperkuuhkan Interaksi Komuniti

Bagi memperkuuhkan interaksi komuniti di kawasan kajian, perkara penting yang perlu dilaksanakan adalah meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan berkomuniti dan melaksanakan pengawasan kejiranan.

a) Meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan berkomuniti

Komuniti yang tinggal di kawasan taman perumahan perlu dipupuk dengan inisiatif untuk berkomuniti seperti menyertai aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh persatuan penduduk. Inisiatif ini boleh dipupuk melalui kempen kesedaran terhadap kepentingan berkomuniti dan pendidikan. Pihak berkuasa seperti DBKL dan pihak polis disarankan

untuk membuka laluan kepada penduduk bagi meningkatkan interaksi di kalangan mereka melalui ceramah dan kempen kesedaran. Selain itu, aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Persatuan Penduduk perlulah sesuai bagi penyertaan oleh berbilang kaum kerana penduduk di kawasan taman perumahan ini majoritinya adalah berketurunana Melayu dan Cina. Apabila kesedaran penduduk terhadap kepentingan berkomuniti meningkat, ianya akan diterjemahkan melalui tindakan-tindakan seperti berikut:

- i) Menyertai program dan aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan.
- ii) Aktif menjalankan tugas-tugas persatuan secara sukarela.
- iii) Menjadi mata dan telinga pihak polis bagi perkara yang berkaitan dengan keselamatan kawasan taman perumahan.
- iv) Dapat menyuarakan pandangan dan cadangan berkaitan aspek keselamatan di kawasan taman perumahan kepada pihak berkuasa dengan lebih berkesan.
- v) Memupuk perpaduan kaum di kawasan taman perumahan yang didiami oleh berbilang bangsa.

b) Pengawasan Kejiranan

Pengawasan kejiranan amat penting dalam menjaga dan meningkatkan keselamatan di sesebuah kawasan taman perumahan. Pengawasan kejiranan tidak hanya melibatkan rondaan tetapi juga melalui pemerhatian dan mengawasi kegiatan jiran di kawasan taman perumahan.

Pengawasan kejiranan ini bertepatan dengan saranan pihak polis dalam laporan akhbar Berita Harian bertarikh 16 Oktober 2006 supaya orang ramai menggunakan pendekatan “jaga tepi kain orang” dalam memberi maklumat kepada pihak polis sebagai usaha menangani jenayah. Dalam konteks ini, “jaga tepi kain orang” memberi maksud bahawa masyarakat menjadi mata dan telinga PDRM sekiranya mendapati jiran mereka dalam keadaan mencurigakan dan melakukan jenayah. Pihak polis berpendapat bahawa langkah ini adalah penawar terbaik dalam membantu pihak polis membanteras jenayah kerana masyarakat setempat mengetahui dan mempunyai maklumat berkaitan jiran yang tinggal bersebelahan dengannya.

5.3.2 Kesedaran Penduduk Mengenai Aspek Keselamatan

Kempen kesedaran penduduk mengenai aspek keselamatan dan pelaksanaan program bandar selamat perlu diadakan bagi meningkatkan tahap kesedaran penduduk mengenai aspek keselamatan di kawasan tempat tinggal mereka. Kempen ini boleh diadakan melalui edaran risalah dan ceramah oleh pihak PDRM dan DBKL kepada

penduduk. Walau bagaimanapun, perkara ini hanya boleh dilaksanakan setelah aktiviti Persatuan Penduduk di kawasan ini diaktifkan.

5.3.3 Penyediaan Balai Polis Tetap atau Bergerak dan Rondaan Polis

Penyediaan Balai Polis tetap atau bergerak biasanya dibuat di kawasan yang tinggi kadar jenayah. Walau bagaimanapun, bagi kawasan taman perumahan ini telah wujud kehadiran balai polis bergerak dalam bentuk bas mini berwarna putih yang diparkir di kawasan perumahan dan kedai Taman Perumahan Wangsa Melawati pada setiap hari Rabu. Dari segi psikologi, penjenayah tidak akan melakukan jenayah di kawasan yang didapati dihadiri oleh pihak polis. Walau bagaimanapun, kempen atau iklan perlu dibuat oleh pihak PDRM kerana kebanyakan penduduk masih tidak menyedari kehadiran pihak polis di kawasan taman perumahan ini.

5.3.4 Pemasangan CCTV di Kawasan Perniagaan dan Tempat Awam

Selain penyediaan balai polis tetap atau bergerak dan rondaan di kawasan perumahan, kebanyakan responden berpendapat bahawa pemasangan CCTV di kawasan perniagaan dan tempat awam adalah salah satu langkah pencegahan jenayah yang penting. Mangambil contoh pelaksanaan langkah pencegahan jenayah menggunakan CCTV secara berkesan di Northampton, UK, perkara yang sama boleh dilaksanakan di Malaysia.

Di Northampton, pihak polis telah membangunkan *Retail Crime Initiative* bagi meningkatkan keberkesanan penggunaan CCTV. Inisiatif ini membolehkan pemilik

kedai dan masyarakat berkongsi maklumat dan menggunakan CCTV secara yang lebih efektif. CCTV dipantau pada masa sebenar (*real time*) oleh operator yang berdedikasi. Maklumat mengenai penjenayah yang diambil daripada CCTV disebarluaskan dengan segera kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya tindakan segera dapat diambil ke atas penjenayah tersebut. Ini menjadikan bandar tersebut sebagai sebuah bandar yang tidak mesra penjenayah kerana kehadiran penjenayah di bandar ini sentiasa disedari dan dikenal pasti. Kaedah ini didapati sangat berkesan dalam mengurangkan bilangan penjenayah di bandar tersebut.

5.4 Batasan Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, batasan-batasan kajian yang dihadapi adalah seperti berikut:

- a) Kekangan dari segi masa di mana masa yang ada bagi penyediaan kertas projek ini adalah sangat terhad terutamanya berkaitan dengan kajian lapangan yang dijalankan.
- b) Kajian ini hanya tertumpu kepada penduduk yang tinggal di kawasan Taman Perumahan Wangsa Melawati, Wangsa Maju, Kuala Lumpur sahaja.
- c) Sikap individualistik responden dalam menjawab soalan soal selidik memberikan gambaran bahawa responden bersikap sambil lewa dan tidak peka mengenai keadaan yang berlaku di sekitar kawasan taman

perumahan yang didiami. Faktor ini turut mempengaruhi ketepatan hasil dapatan kajian.

- d) Tahap kefahaman penduduk mengenai konsep Bandar Selamat juga boleh mempengaruhi ketepatan hasil dapatan kajian.

5.5 Implikasi dan Saranan

Penemuan kajian ini dapat memberikan gambaran kepada pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Program Bandar Selamat seperti pihak PBT, PDRM, JPNIN dan lain-lain mengenai persepsi penduduk terhadap Program Bandar Selamat yang dilaksanakan di kawasan taman perumahan yang dikaji. Ini dapat membantu jabatan/agensi yang terlibat mengenal pasti permasalahan sebenar yang dihadapi oleh penduduk dan seterusnya membolehkan jabatan/agensi berkaitan merancang program dan aktiviti yang bersesuaian di kawasan kajian.

Hasil kajian juga telah mengenal pasti tiga langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat yang paling sesuai dilaksanakan khususnya di kawasan kajian menurut persepsi penduduk setempat. Tiga langkah pencegahan jenayah tersebut adalah penyediaan balai polis tetap atau bergerak, rondaan di kawasan perumahan dan pemasangan CCTV di kawasan perniagaan dan tempat awam. Oleh itu adalah disarankan supaya pelaksanaan ketiga-tiga langkah pencegahan jenayah ini di kawasan-kawasan perumahan diberikan perhatian oleh jabatan/agensi pelaksana Program Bandar Selamat.

5.6 Cadangan Kajian Akan Datang

Oleh kerana kajian yang dijalankan ini hanya melibatkan sebuah kawasan taman perumahan yang terletak di kawasan bandar, adalah dicadangkan supaya kajian yang akan datang membuat perbandingan di antara beberapa kawasan taman perumahan di kawasan bandar dan kawasan pinggir bandar. Ini bertujuan untuk mengkaji tahap interaksi komuniti dan keaktifan rukun tetangga atau persatuan penduduk dalam menjayakan pelaksanaan Program Bandar Selamat.

5.7 Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan dan cadangan di atas, dapat disimpulkan bahawa tahap keselamatan di kawasan taman perumahan ini masih dalam keadaan terkawal. Kebimbangan penduduk terhadap jenayah juga adalah pada tahap yang rendah. Walau bagaimanapun, perkara yang perlu dititikberatkan oleh penduduk di kawasan ini adalah mengaktifkan Persatuan Penduduk yang dilihat tidak berperanan dengan seujarnya. Penyertaan penduduk dalam aktiviti yang dilaksanakan oleh Persatuan Penduduk amat penting dalam meningkatkan interaksi komuniti di kawasan ini dan membantu pelaksanaan konsep bandar selamat di kawasan taman perumahan ini.

Bagi tujuan ini, peranan JPNIN dilihat amat penting dalam mengeratkan perpaduan dan interaksi komuniti antara penduduk. Disamping itu, peranan pihak berkuasa dalam aspek keselamatan seperti pihak polis dan DBKL perlu dipertingkatkan. Kerjasama antara kedua-dua pihak berkuasa ini dengan Persatuan Penduduk akan dapat memastikan kejayaan pelaksanaan Program Bandar Selamat di kawasan ini.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah, A.G. (2000). *Pengaruh Tingkah Laku Etika Ketua Terhadap Tingkah Laku Etika Subordinat di Sektor Kewangan di Malaysia* (Tesis PhD). Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad Mahzan, A. (2007). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Edisi Ketiga. Selangor: Dawama Sdn Bhd.
- Ahmad Nazrin Aris, A. (2008). *Keberkesanan Program Bandar Selamat Dari Persepsi Pelancong Singapura. Kajian Kes: Bandaraya Johor Bahru* (Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Nazrin Aris, A., & Zainab, K. (2009). Kepentingan Program Bandar Selamat sebagai asas keselamatan industri pelancongan di bandaraya Johor Bahru. *Jurnal Teknologi, 51 (E), Dis. 2009*, 123-137.
- Ainur Zaireen, Z., & Jalaluddin, A. M. (2010). Keberkesanan Program Bandar Selamat dari persepsi penduduk. Kajian kes: Bandaraya Shah Alam. *Jurnal Teknologi, 53(Sains Sosial), Sept. 2010*: 13–34
- Ayob, A.M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Breese, G. (1969). *The City in Newly Developing Countries*. Englewood Cliff, NJ: Prentice Hall.
- Coakes, S.J., Steed, L., & Dzidic, P. (2006). *SPSS version 13.0 for windows: Analysis without anguish*. Australia: John Wiley and Sons Australia Ltd.
- Che Su, M. (2000). *Komunikasi Organisasi dan Hubungannya dengan Kepuasan Kerja dan Komitmen Keorganisasian di Sektor Swasta dan Sektor Awam* (Tesis PhD). Universiti Utara Malaysia.
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Selangor: McGraw Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Clarke, R.V. (1997). *Situational Crime Prevention: Successful Case Studies*. Second Edition. Albany, N.Y: Harrow and Heston.
- Cohen, L.E., & Felson, M. (1979). Social change and crime rate trends: A routine activity approach. *American Sociological Review 44*: pp. 558-605.
- Cooper, D.R., & Schindler, P.S. (2006). *Business Research Method*. 9th Edition. New York: McGraw-Hill/Irwin.
- Davis, J.A. (1971). *Elementary Survey Analysis*. Prentice Hall.

- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. (n.d.). *Sejarah Perbandaran Kuala Lumpur*. (Brochure). Kuala Lumpur: Jabatan Perancang Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. (2011). *Peta Kawasan Wangsa Maju*. (Map). Kuala Lumpur: Jabatan Perancang Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- Ditton, J., Bannister, J., Gilchrist, E., & Farrall, S. (1999). Afraid or angry? Recalibrating the fear of crime. *International Review of Victimology* 6: pp.83-99
- DuBow, F., McCabe, E., & Kaplan, G. (1979). *Reactions to Crime:A Critical Review of the Literature*. Washington, D.C.: U.S. Government Printing Office.
- Ferraro, K. F. (1995). *Fear of Crime: Interpreting Victimization Risk*. Albany: State University of New York Press.
- Hasnah, G., & Mat Saad, A.R. (1995). *Jenayah Remaja: Permasalahan dan Penyelesaian*. Selangor: Penerbit Hizbi.
- Hair, J.F., Babin, B., Money, A.H., & Samouel, P. (2003). *Essentials of Business Research Method*. New York: John Wiley & Sons.
- Hair, J.F., Money, A.H., Samouel, P., & Page, M. (2007). *Research Methods for Business*. USA: John Wiley & Sons.
- Huizinga, D., Loeber, R., & Thornberry, P.T. (1994). *Urban Delinquency and Substance Abuse. Technical Report and Technical Appendices*. Washington D.C.: Office on Juvenile and Delinquency Prevention.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2005). *Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Reka Bentuk Imej Bandar Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2006). *Pengalaman Pelaksanaan Program Bandar Selamat*. Program Bandar Selamat 2006: Kompilasi Kertas Kerja dan Persembahan Multimedia. Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, JPBD.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2010). *Laporan Pemantauan Pelaksanaan Program Bandar Selamat, 2010*. Kuala Lumpur. Retreived on 25 October 2011 from http://www.townplan.gov.my/new_web/muat_turun/pengumuman/2011/Laporan%20Pemantauan%20Pelaksanaan%20Program%20Bandar%20Selamat%202010.pdf
- Jabatan Perdana Menteri. (2010). *Program Transformasi Kerajaan: Pelan Hala Tuju*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad

- Jabatan Perdana Menteri. (2011). *Laporan Tahunan 2010 Program Transformasi Kerajaan*. Putrajaya: Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU). Retrieved on 25 October 2011 from http://www.pemandu.gov.my/gtp/wp-content/uploads/2011/05/GTP_AR2010_Executive_Summary_BM.pdf
- Jamaludin, M. (2007). *Aspek Keselamatan Awam Dalam Pembentukan Bandar Selamat di Malaysia: Kajian Kes Alor Setar, Kedah* (Tesis PhD). Universiti Sains Malaysia.
- Kamus Dewan*. (1993). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karmen, A. (2004). *Crime Victims: An Introduction to Victimology*. 5th Edition. Belmont, CA: Thomson Wadsworth
- Krejcie, V.R., & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 1970, 30, 607 - 610.
- Lee, M. (2007). *Inventing Fear of Crime Criminology and the Politics of Anxiety*. Cullompton: Willan.
- Levin, R.I., & Rubin, D.S. (2000). Statistik untuk Pengurusan. Diterjemahkan oleh Susila Munisamy dan Halimah Awang. Edisi Ketujuh. Petaling Jaya: Pearson Education Asia, Pte. Ltd.
- Maslow, A. (1954). *Motivation and Personality*. New York: Harper & Row.
- Mohd. Radzuan, I. (1995). *Polis Dalam Sistem Keadilan Jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Newburn, T. (2003). *Handbook of Policing*. Cullompton: Willan.
- Newman, O. (1972). *Defensible Space. Crime Prevention Through Urban Design*. London: Mcmillan.
- Nor Eeda, A. (2006). *Pembangunan Komuniti Dalam Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat* (Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia.
- Norazman, M. (2010). *Keselamatan Dalam Perumahan Komuniti Berpagar. Kajian Kes – Apartment Prima dan Taman Kristal 2, Sepang, Selangor* (Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia.
- Northam, R.W. (1975). *Urban Geography*. New York: John Wiley and Sons.
- Pallant, J. (2001). *SPSS Survival Manual*. Buckingham, Philadelphia: Open University Press.
- Police Executive Research Forum. (2010). *Target's Safe City Program: Community Leaders Take the Initiatives in Building Partnerships With the Police*. Retrieved on 21 October from http://www.policeforum.org/library/safe-cities/Target_Safe%20City.pdf.

Polis DiRaja Malaysia. (2011). Statistik Kadar Jenayah Bagi Tahun 2006 Hingga 2010. Kuala Lumpur: Urus Setia KPN (Perhubungan Awam), Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman.

Schumacher, B., & McMillan, S.H. (1993). *Research in Education – A Conceptual Introduction*. (3rd Edition). New York: L Harper Collins College Publisher.

Syed Abdul Rahman, S.Z., Jamaludin, M., Rosli, M., & Mohd Hilmi, H. (2010). *Komunikasi Dalam Kepimpinan Rukun Tetangga*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Tong, L. (2007). *Safe City*. Kuala Lumpur: EAROPH Malaysia.

Uma Sekaran & Bougie, R. (2010). *Research Method for Business: A Skill Building Approach*. 5th Edition. West Sussex, United Kingdom: John Wiley & Sons Ltd.

Walklate, S. (2007). *Imagining the Victim of Crime*. Maidenhead: Open University Press

Warr, M. (1994). Public Perceptions And Reactions To Violent Offending And Victimization. In *Consequences and Control*, edited by Albert J. Reiss, Jr., and Jeffrey A. Roth. Vol. 4 of *Understanding and preventing violence*. Washington, D.C.: National Academy Press.

Yahya, D., Fo'Ad, S., Yaakob, D., Muhammad Dzahir, K., Jamaludin, M., & Zaim, A. (2010). Geng Rempit dan Penyalahgunaan Dadah di Malaysia. Sintok, Kedah: Pusat Pengurusan, Penyelidikan & Inovasi, UUM.

Yahya, I. (1995). *Perbandaran dan Kejiranan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Zul Azri, A.A., Norhafizah, A.R., & Izham, G. (2007). *Pendekatan pencegahan jenayah menerusi keperihatinan rekabentuk persekitaran*. Seminar Kebangsaan Rupa Bandar Malaysia: Mengkal Warisan Membina Identiti, Lumut, Perak.

Website

KRA 3: Meningkatkan Tahap Keselamatan. Retrieved on 15 June 2011 from <http://transformasi.mpsp.gov.my>.

A Road Map to Safe City: Driving Community Safety Through Public/Private Partnerships. (2008). Retrieved on 21 October 2011 from http://mysafecity.com/html/LE%20Roadmap_Final_08.pdf

Ahmad, K.M. (2006, Ogos 14). Bandar Bebas Jenayah. *Utusan Malaysia*. Retrieved on 22 October 2011 from http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0814&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm&arc=hive

Balai Polis Bergerak Tingkat Keyakinan Rakyat di Wangsa Maju. Retrieved on 22 October 2011 from
http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=515121

16 Termasuk Anggota Keluarga Sarbani Beri Keterangan. Retrieved on 22 October 2011 from www.selangorkini.com.my/my/berita/31472.

Jenayah Turun 35 Peratus. (2011, Mac 28). *Berita Harian*. Retrieved on 21 October 2011 from
<http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Jenayahturun35peratus/Article>

Keyakinan Rakyat Makin Meningkat. (2010, Disember 22). *Berita Harian*, p. 13, Nasional.

Lagi Wanita Diragut di Wangsa Melawati. (2010, Mac 4). *Utusan Malaysia*. Retrieved on 21 October 2011 from http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0304&pub=Utusan_Malaysia&sec=Jenayah&pg=je_04.htm

Program Bandar Selamat. Retrieved on 25 October 2011 from
<http://jpbd.kelantan.gov.my/v2/index.php/perkhidmatan/pembangunan-mampan/bandar-selamat>

Peta Kuala Lumpur. Retreived on 25 October 2011 from
<http://mymalaysiainfo.com/map/kuala-lumpur-map/index.htm>

Routine Activity Theory. Retrieved on 21 October 2011 from
[http://www.crimeprevention.nsw.gov.au/Lawlink/cpd/ll_cpdv.nsf/vwFiles/RoutineActivityFactsheet_April2008.pdf/\\$file/RoutineActivityFactsheet_April2008.pdf](http://www.crimeprevention.nsw.gov.au/Lawlink/cpd/ll_cpdv.nsf/vwFiles/RoutineActivityFactsheet_April2008.pdf/$file/RoutineActivityFactsheet_April2008.pdf).

Scarborough Borough Council. (2007). *Fear of Crime Survey 2007*. Retrieved on 25 October 2011 from <http://www.scarborough.gov.uk/pdf/Fear%20of%20Crime%20Survey%202007.pdf>

Syuhada, C.A., & Hardi, E.Y. (2011, Jun 6). Keselamatan Rakyat Diutama. *Berita Harian*. Retrieved on 21 October 2011 from <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Keselamatanrakyatdiutama/Article>

Siaran Media: Program Bandar Selamat KPKT Mampu Kurangkan Indeks Jenayah Negara. Retrieved on 23 October 2011 from
http://www.kpkt.gov.my/kpkt/fileupload/program/siaran_media/2010/julai10/SIARAN_AKHBAR_BANDAR_SELAMAT_260710.pdf

Wynne, T. (2008). An Investigation into the Fear of Crime: Is there a Link between the Fear of Crime and the Likelihood of Victimisation?. *Internet Journal of Criminology*. Retrieved on 21 October 2011 from
<http://www.internetjournalofcriminology.com>.



**BORANG SOAL SELIDIK
(UNTUK TUJUAN PEMBELAJARAN SAHAJA)**

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

Tuan/Puan yang dihormati,

Sukacita bahawa Tuan/Puan dipilih untuk menjadi responden dalam kajian ini. Penyelidikan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan Pelaksanaan Program Bandar Selamat Di Malaysia. Kajian di Kawasan Taman Perumahan Wangsa Melawati, Kuala Lumpur. Skop kajian ini adalah mengenai adakah Program Bandar Selamat yang dilaksanakan di kawasan taman perumahan ini dapat meningkatkan tahap keselamatan di kawasan taman perumahan, mengurangkan kebimbangan penduduk terhadap jenayah dan meninjau tahap pelaksanaan konsep bandar selamat di kawasan taman perumahan yang dipilih.

Segala maklumat yang diberikan akan dirahsiakan. Ianya hanya akan digunakan untuk tujuan akademik semata-mata. Tiada jawapan yang betul atau salah, oleh itu Tuan/Puan boleh memilih jawapan mengikut kesesuaian pihak Tuan/Puan sendiri. Keikhlasan dan kejujuran Tuan/Puan dalam memberikan maklumat yang dikehendaki sangatlah diharapkan bagi mendapat hasil penyelidikan yang lebih tepat.

Segala kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

(Hanani Binti Sidek)
Sarjana Sains (Pengurusan) /MSc. (Management)
UUM / INTAN

Sila tandakan (✓) di ruangan yang ditetapkan untuk menunjukkan jawapan anda

BAHAGIAN A: DEMOGRAFI

- 1 Jantina Lelaki Perempuan

- 2 Bangsa Melayu Cina India Lain-lain

- 3 Umur 15 hingga 20 tahun
 21 hingga 30 tahun
 31 hingga 40 tahun
 41 hingga 50 tahun
 51 tahun ke atas

- 4 Kelulusan Akademik Sekolah rendah
 SRP/PMR
 SPM
 STPM/Sijil/Diploma
 Ijazah Sarjana Muda/Sarjana/PhD
 Lain-lain, nyatakan
.....

5	Status Perkahwinan
	<input type="checkbox"/> Belum Berkahwin
	<input type="checkbox"/> Berkahwin
	<input type="checkbox"/> Janda/Duda
	<input type="checkbox"/> Lain-lain
6	Pendapatan Keluarga
	<input type="checkbox"/> RM1,000 dan kurang
	<input type="checkbox"/> RM1,001 hingga RM3,000
	<input type="checkbox"/> RM3,001 hingga RM5,000
	<input type="checkbox"/> RM5,001 hingga RM7,000
	<input type="checkbox"/> RM7,001 dan lebih
7	Harga/Nilai Semasa Rumah di Kawasan Perumahan
	<input type="checkbox"/> RM300,000 dan kurang
	<input type="checkbox"/> RM300,001 hingga RM400,000
	<input type="checkbox"/> RM400,001 hingga RM500,000
	<input type="checkbox"/> RM500,001 dan lebih
8	Tempoh lama tinggal di kediaman sekarang
	<input type="checkbox"/> Kurang 1 tahun
	<input type="checkbox"/> 1 hingga 3 tahun
	<input type="checkbox"/> 4 hingga 6 tahun
	<input type="checkbox"/> 7 hingga 10 tahun
	<input type="checkbox"/> Lebih 10 tahun

- 9 Rumah yang didiami adalah rumah
- Sendiri
- Sewa
- Tinggal bersama keluarga
- Lain-lain,
nyatakan.....

BAHAGIAN B: TAHAP KESELAMATAN DI TAMAN PERUMAHAN WANGSA MELAWATI

Menggunakan skala di bawah, sila bulatkan nombor di sebelah kanan pernyataan yang menunjukkan penilaian anda terhadap kenyataan di bawah:

- | | |
|---|-----------------------|
| 5 | = Sangat setuju |
| 4 | = Setuju |
| 3 | = Tidak Pasti |
| 2 | = Kurang setuju |
| 1 | = Sangat tidak setuju |

Bil.	Perkara	
1	Pihak Polis sentiasa menjalankan rondaan di sekitar kawasan taman perumahan ini.	5 4 3 2 1
2	Rukun Tetangga amat aktif menjalankan aktiviti atau program keselamatan bagi taman perumahan ini.	5 4 3 2 1
3	Kes kecurian sering berlaku di kawasan perumahan ini.	5 4 3 2 1
4	Kes pecah rumah sering berlaku di kawasan taman perumahan ini.	5 4 3 2 1
5	Kes ragut sering berlaku di kawasan taman perumahan ini.	5 4 3 2 1
6	Terdapat ramai penagih dadah di sekitar kawasan taman perumahan ini.	5 4 3 2 1
7	Terdapat kumpulan remaja melepak di sekitar kawasan taman perumahan ini.	5 4 3 2 1
8	Kawasan taman perumahan ini mudah untuk dimasuki oleh orang luar.	5 4 3 2 1
9	Terdapat banyak jalan akses untuk memasuki kawasan taman perumahan ini.	5 4 3 2 1

10	Interaksi komuniti di kawasan taman perumahan ini adalah amat baik.	5 4 3 2 1
11	Terdapat persatuan penduduk yang aktif menjalankan aktiviti komuniti dalam kawasan taman perumahan ini.	5 4 3 2 1
12	Program pendidikan dan kesedaran mengenai aspek keselamatan awam di kawasan taman perumahan ini diadakan dengan kerjasama antara Persatuan Penduduk dan pihak polis.	5 4 3 2 1
13	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memberikan tumpuan kepada aspek keselamatan yang di bawah bidang kuasanya di kawasan taman perumahan ini.	5 4 3 2 1

BAHAGIAN C: KEBIMBANGAN TERHADAP JENAYAH DI KAWASAN TAMAN PERUMAHAN

Menggunakan skala di bawah, sila bulatkan nombor di sebelah kanan pernyataan yang menunjukkan penilaian anda terhadap kenyataan di bawah:

- | | |
|---|------------------|
| 5 | = Sangat Bimbang |
| 4 | = Bimbang |
| | Tidak |
| 3 | = Pasti |
| 2 | = Kurang Bimbang |
| | Tidak |
| 1 | = Bimbang |

Bil	Perkara	
1	Saya berasa bimbang mengenai jenayah di kawasan perumahan tempat tinggal saya.	5 4 3 2 1
2	Saya berasa bimbang ketika beriadah di kawasan taman perumahan tempat tinggal saya di waktu pagi.	5 4 3 2 1
3	Saya berasa bimbang ketika beriadah di kawasan taman perumahan tempat tinggal saya di waktu petang.	5 4 3 2 1
4	Saya bimbang rumah saya dipecah masuk dan barang berharga dicuri di.	5 4 3 2 1
5	Saya bimbang jika saya disamun dan dirompak ketika berada di kawasan taman perumahan tempat tinggal saya.	5 4 3 2 1
6	Saya bimbang jika kereta saya dicuri di kawasan taman perumahan tempat tinggal saya.	5 4 3 2 1
7	Saya berasa bimbang apabila berjalan bersendirian di kawasan perumahan ini pada waktu malam.	5 4 3 2 1
8	Saya berasa bimbang apabila berjalan bersendirian di kawasan perumahan ini pada waktu siang.	5 4 3 2 1
9	Saya berasa bimbang apabila berada bersendirian di rumah pada waktu malam.	5 4 3 2 1

10	Adakah anda mengetahui kegiatan jenayah yang berlaku di kawasan perumahan ini?
	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
	Jika jawapan anda adalah Ya, sila jawab soalan 11. Jika jawapan anda adalah Tidak, terus ke Bahagian D.
11	Bagaimana anda mengetahui kegiatan jenayah tersebut?
	<input type="checkbox"/> Mangsa jenayah <input type="checkbox"/> Terlihat/ Diberitahu <input type="checkbox"/> Lain-lain. (Nyatakan)

BAHAGIAN D: TAHAP PELAKSANAAN KONSEP BANDAR SELAMAT

Menggunakan skala di bawah, sila bulatkan nombor di sebelah kanan pernyataan yang menunjukkan penilaian anda terhadap kepentingan langkah-langkah keselamatan di kawasan perumahan anda.

- | | |
|---|------------------------|
| 5 | = Sangat penting |
| 4 | = Penting |
| 3 | = Sederhana penting |
| 2 | = Kurang penting |
| 1 | = Sangat tidak penting |

Bil .	Perkara	
1	Pengasingan laluan pejalan kaki daripada laluan bermotor	5 4 3 2 1
2	Pelaksanaan reka bentuk persekitaran yang selamat (CPTED)	5 4 3 2 1
3	Pemetaan GIS jenayah dan Program Bandar Selamat	5 4 3 2 1
4	Penyediaan balai polis tetap atau bergerak	5 4 3 2 1
5	Penyediaan cermin keselamatan	5 4 3 2 1
6	Penyediaan papan tanda peringatan jenayah	5 4 3 2 1
7	Penyediaan penggera keselamatan	5 4 3 2 1
8	Penyediaan tempat motosikal berkunci	5 4 3 2 1
9	Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan perniagaan dan tempat awam	5 4 3 2 1
10	Pencahayaan di kawasan sasaran iaitu di tepi, hadapan dan belakang rumah/ bangunan dan di kaki lima premis perniagaan, tempat awam dan perumahan	5 4 3 2 1

11	Laluan awam tidak terlindung daripada pandangan awam	5 4 3 2 1
12	Penjanaan aktiviti bersesuaian di kawasan terdedah jenayah	5 4 3 2 1
13	Pendidikan, kesedaran awam dan publisiti	5 4 3 2 1
14	Meningkatkan rondaan di kawasan perumahan	5 4 3 2 1

BAHAGIAN E : CADANGAN BAGI MENGURANGKAN KADAR JENAYAH DI KAWASAN PERUMAHAN

1	Secara keseluruhannya, adakah kawasan kediaman anda selamat dan mesra kepada penghuninya? Ya, kerana Tidak, kerana	
2	Pada pendapat anda, pihak yang manakah yang paling penting melibatkan diri dalam menjayakan pelaksanaan Bandar Selamat di kawasan kejiranan anda? (nomborkan mengikut turutan)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
3	Pihak Berkuasa Tempatan Pihak Keselamatan Komuniti Lain-lain, nyatakan.....	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
Apakah cadangan anda supaya komuniti boleh melibatkan diri di dalam membantu pencegahan/ mengurangi kadar jenayah di kawasan perumahan anda? 		

Reliabiliti Ujian Rintis**Tahap Keselamatan****Case Processing Summary**

		N	%
Cases	Valid	40	100.0
	Excluded ^a	0	.0
	Total	40	100.0

a. Listwise deletion based on all variables in the procedure.

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.841	.822	13

Item Statistics

	Mean	Std. Deviation	N
B1	2.7250	.81610	40
B2	2.3000	.85335	40
B3	3.0250	.76753	40
B4	3.0250	.76753	40
B5	3.2250	.80024	40
B6	1.9500	.87560	40
B7	1.9250	.82858	40
B8	3.3750	.70484	40
B9	3.6750	.57233	40
B10	3.3750	.54006	40
B11	2.3500	.89299	40
B12	2.4750	.90547	40
B13	2.3500	.89299	40

Summary Item Statistics

	Mean	Minimum	Maximum	Range	Maximum / Minimum
Item Means	2.752	1.925	3.675	1.750	1.909
Item Variances	.631	.292	.820	.528	2.811

Summary Item Statistics

	Variance	N of Items
Item Means	.328	13
Item Variances	.029	13

Item-Total Statistics

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Squared Multiple Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
B1	33.0500	30.510	.600	.	.822
B2	33.4750	29.128	.731	.	.811
B3	32.7500	31.115	.570	.	.824
B4	32.7500	31.115	.570	.	.824
B5	32.5500	33.177	.301	.	.842
B6	33.8250	30.661	.532	.	.827
B7	33.8500	31.054	.525	.	.827
B8	32.4000	34.144	.237	.	.845
B9	32.1000	35.682	.085	.	.850
B10	32.4000	36.503	-.031	.	.855
B11	33.4250	29.328	.668	.	.816
B12	33.3000	29.138	.678	.	.815
B13	33.4250	29.122	.692	.	.814

Kebimbangan Terhadap Jenayah

Case Processing Summary

		N	%
Cases	Valid	40	100.0
	Excluded ^a	0	.0
	Total	40	100.0

a. Listwise deletion based on all variables in the procedure.

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.972	.972	9

Item Statistics

	Mean	Std. Deviation	N
C1	3.2750	.98677	40
C2	2.9750	.89120	40
C3	2.9000	.92819	40
C4	3.3250	1.02250	40
C5	3.4000	.95542	40
C6	3.3000	.99228	40
C7	3.0000	.81650	40
C8	3.0000	.81650	40
C9	2.9750	.80024	40

Summary Item Statistics

	Mean	Minimum	Maximum	Range	Maximum / Minimum	Variance	N of Items
Item Means	3.128	2.900	3.400	.500	1.172	.037	9

Item-Total Statistics

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Squared Multiple Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
C1	24.8750	42.369	.936	.	.966
C2	25.1750	44.046	.889	.	.968
C3	25.2500	44.603	.798	.	.972
C4	24.8250	42.046	.925	.	.966
C5	24.7500	43.731	.848	.	.970
C6	24.8500	42.131	.951	.	.965
C7	25.1500	45.413	.843	.	.970
C8	25.1500	45.413	.843	.	.970
C9	25.1750	45.328	.872	.	.969

Tahap Pelaksanaan

Case Processing Summary

		N	%
Cases	Valid	40	100.0
	Excluded ^a	0	.0
	Total	40	100.0

a. Listwise deletion based on all variables in the procedure.

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.939	.943	14

Item Statistics

	Mean	Std. Deviation	N
D1	3.1750	1.05945	40
D2	3.2250	1.07387	40
D3	3.3250	.97106	40
D4	4.3250	.79703	40
D5	3.4500	.84580	40
D6	3.6500	.83359	40
D7	3.9500	.87560	40
D8	3.1250	1.09046	40
D9	4.0250	.83166	40
D10	3.6750	.79703	40
D11	3.7250	.81610	40
D12	3.6500	.73554	40
D13	3.7500	.80861	40
D14	4.2500	.86972	40

Summary Item Statistics

	Mean	Minimum	Maximum	Range	Maximum / Minimum	Variance	N of Items
Item Means	3.664	3.125	4.325	1.200	1.384	.145	14



Item-Total Statistics

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Squared Multiple Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
D1	48.1250	72.933	.712	.	.934
D2	48.0750	73.097	.691	.	.935
D3	47.9750	73.563	.746	.	.933
D4	46.9750	79.512	.477	.	.940
D5	47.8500	74.079	.834	.	.931
D6	47.6500	74.285	.832	.	.931
D7	47.3500	77.105	.589	.	.937
D8	48.1750	74.763	.582	.	.939
D9	47.2750	77.487	.598	.	.937
D10	47.6250	73.574	.931	.	.928
D11	47.5750	74.712	.819	.	.931
D12	47.6500	74.644	.924	.	.929
D13	47.5500	75.126	.796	.	.932
D14	47.0500	79.485	.432	.	.941

UJIAN NORMALITY (HISTOGRAM DAN NORMAL Q-Q PLOT)



Tahap Keselamatan

GRAPH /HISTOGRAM(NORMAL)=Thp_Kslmt.




Tahap Kebimbangan Terhadap Jenayah

GRAPH /HISTOGRAM(NORMAL)=Thp_Kbmrg.




Tahap Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat

GRAPH /HISTOGRAM(NORMAL)=Bdr_Slmt.




Normal Q-Q Plot of Bdr_Slmt




UJIAN LINEARITY (SCATTER PLOT)

Tahap Keselamatan



Tahap Kebimbangan Terhadap Jenayah



Reliabiliti Kajian Sebenar**Tahap Keselamatan****Case Processing Summary**

		N	%
Cases	Valid	154	100.0
	Excluded ^a	0	.0
	Total	154	100.0

a. Listwise deletion based on all variables in the procedure.

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.870	13

Item Statistics

	Mean	Std. Deviation	N
B1	2.9091	.77006	154
B2	2.3442	.81152	154
B3	2.6623	.82621	154
B4	2.6623	.82621	154
B5	2.3506	.93956	154
B6	1.8442	.89391	154
B7	1.8506	.89867	154
B8	3.2532	.66236	154
B9	3.4156	.76442	154
B10	3.4675	.59594	154
B11	2.0779	.87472	154
B12	2.1104	.88975	154
B13	2.0779	.86721	154

Item-Total Statistics

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
B1	30.1169	43.450	.064	.885
B2	30.6818	37.120	.699	.852
B3	30.3636	36.246	.780	.847
B4	30.3636	36.246	.780	.847
B5	30.6753	37.123	.584	.858
B6	31.1818	35.836	.753	.848
B7	31.1753	36.342	.696	.851
B8	29.7727	42.255	.232	.875
B9	29.6104	44.331	-.022	.889
B10	29.5584	44.928	-.074	.886
B11	30.9481	35.579	.800	.845
B12	30.9156	35.372	.806	.844
B13	30.9481	35.579	.808	.844

Scale Statistics

Mean	Variance	Std. Deviation	N of Items
33.0260	44.692	6.68522	13

Tahap Kebimbangan Terhadap Jenayah

Case Processing Summary

		N	%
Cases	Valid	154	100.0
	Excluded ^a	0	.0
	Total	154	100.0

a. Listwise deletion based on all variables in the procedure.

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.983	9

Item Statistics

	Mean	Std. Deviation	N
RC1	3.4091	.94013	154
RC2	3.5714	.96918	154
RC3	3.5909	.96754	154
RC4	3.2792	1.01297	154
RC5	3.2532	1.00692	154
RC6	3.2922	1.00278	154
RC7	3.4870	.87251	154
RC8	3.4870	.87251	154
RC9	3.4870	.85739	154

Item-Total Statistics

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
RC1	27.4481	50.667	.925	.981
RC2	27.2857	50.205	.931	.981
RC3	27.2662	50.523	.906	.982
RC4	27.5779	49.788	.917	.981
RC5	27.6039	50.084	.900	.982
RC6	27.5649	49.868	.922	.981
RC7	27.3701	51.411	.939	.981
RC8	27.3701	51.411	.939	.981
RC9	27.3701	51.594	.942	.981

Scale Statistics

Mean	Variance	Std. Deviation	N of Items
30.8571	63.927	7.99545	9

Tahap Pelaksanaan

Case Processing Summary

		N	%
Cases	Valid	154	100.0
	Excluded ^a	0	.0
	Total	154	100.0

a. Listwise deletion based on all variables in the procedure.

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.916	14

Item Statistics

	Mean	Std. Deviation	N
D1	2.6299	1.09635	154
D2	3.1234	1.01188	154
D3	3.2792	1.03846	154
D4	4.2662	.98380	154
D5	3.0779	.82867	154
D6	3.1818	.90355	154
D7	3.4286	1.07774	154
D8	2.6299	1.10229	154
D9	3.9481	1.05280	154
D10	3.2403	.88602	154
D11	3.1753	.90844	154
D12	3.1558	.84891	154
D13	3.3117	.96012	
D14	4.0519	1.11315	154

Item-Total Statistics

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
D1	43.8701	79.264	.602	.912
D2	43.3766	79.295	.661	.909
D3	43.2208	79.598	.623	.911
D4	43.2338	87.082	.227	.924
D5	43.4221	79.461	.818	.905
D6	43.3182	78.179	.828	.904
D7	43.0714	79.008	.629	.911
D8	43.8701	80.401	.537	.914
D9	43.5519	83.086	.418	.918
D10	43.2597	78.337	.835	.904
D11	43.3247	77.476	.871	.903
D12	43.3442	78.672	.852	.904
D13	43.1883	78.337	.763	.906
D14	42.4481	82.262	.432	.919

Scale Statistics

Mean	Variance	Std. Deviation	N of Items
46.5000	92.225	9.60341	14

Correlations**Correlations**

		Thp_Kslmt	RCThp_Kbmg	Bdr_Slmt
Thp_Kslmt	Pearson Correlation	1	-.636**	-.041
	Sig. (2-tailed)		.000	.618
	N	154	154	154
RCThp_Kbmg	Pearson Correlation	-.636**	1	-.151
	Sig. (2-tailed)	.000		.062
	N	154	154	154
Bdr_Slmt	Pearson Correlation	-.041	-.151	1
	Sig. (2-tailed)	.618	.062	
	N	154	154	154

**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).